

USUL PERTAMA

Islam adalah agama yang syumul (menyeluruh), mencakupi semua bidang kehidupan. Islam adalah negara dan tanahair atau pemerintah dan umat. Akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan. Pengetahuan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman. Kebendaan dan harta atau usaha dan kekayaan. Jihad dan dakwah atau tentera dan gagasan (fikrah). Akidah yang benar dan ibadat yang sah.

Keterangan

1.1 Islam adalah agama yang syumul, mencakupi semua bidang kehidupan

Islam adalah agama Allah yang kekal, bersifat umum dan menyeluruh. Kerana Islam diturunkan untuk semua manusia. Ini jelas terbukti melalui firman Allah yang bermaksud:

“Dan kami tidak mengutuskan kamu melainkan kepada ummat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita dan sebagai pemberi peringatan”. (Saba: 28)

Islam agama yang menyeluruh kerana ia menghukum seluruh urusan kehidupan manusia. Ia menghukum segala yang dilakukan oleh manusia dan perkara yang berkaitan dengan apa yang mereka lakukan. Ini dibuktikan oleh firman Allah yang bermaksud:

“Tiadalah kami alpa akan sesuatu pun di dalam al-Kitab”. (Al-An’am: 38)

“Untuk menjelaskan segala sesuatu”. (Al-Nahl: 89)

Di atas dasar sifat-sifat Islam yang tetap dan tidak berubah inilah al-Mursyid Hasan al-Banna r.m telah membicarakan asas yang pertama ini. Beliau bertujuan menjelaskan sebahagian daripada perkara-perkara yang terkandung dalam Islam. Penjelasan yang dibuat oleh beliau ini diperkukuhkan lagi oleh al-Quran; dalam al-Quran kita temui ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum, sembahyang, muamalat, kehakiman dan sebagainya.

1.2 Islam adalah negara

Islam adalah negara. Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa ia bermaksud Islam menyentuh hukum-hukum yang menitik-beratkan persoalan kenegaraan. Islam tidak hanya terbatas dalam lingkungan hubungan manusia dengan Allah. Malah Islam juga menyusun hubungan antara sesama manusia, hubungan individu dengan masyarakat dan hubungan masyarakat dengan masyarakat yang lain. Masyarakat inipula memilih suatu sistem politik yang didukung oleh negara. Manakala negara pula mempunyai seorang ketua yang dikenali dalam istilah fiqh sebagai imam atau khalifah. Islam telah menjelaskan asas bagi sesebuah negara, cara memilih khalifah, hak individu terhadap negara dan hak negara terhadap individu. Pada zaman moden ini, kajian dan perbincangan yang lengkap tentang persoalan kenegaraan dan hubungannya dengan individu dibincangkan dalam perlembagaan. Perlembagaan adalah salah satu daripada cabang undang-undang.

Negara menurut pandangan Islam adalah negara gagasan (fikrah), gagasan Islam. Oleh itu ia bukan negara nasionalisme, negara etnik dan negara iklim.

Ketua negara dipilih oleh orang-orang Islam sesuai dengan syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat ini tersimpul dalam dua sifat iaitu: Kemampuan dan Amanah. Tujuan perlantikan ketua negara ialah melaksanakan syariat dan membimbing manusia melakukannya.

Kedudukan dan peranan individu dalam negara Islam amat menonjol dan berfungsi. Ia tidak dipendam dan diabaikan. Rakyat bertanggungjawab terhadap perjalanan negara agar tidak menyeleweng. Mereka juga bertanggungjawab terhadap ketua negara agar beliau menunaikan kewajibannya. Atas dasar ini, rakyat berhak mengawasi, memberi nasihat, memberi petunjuk dan mengkritik. Manakala negara pula bertanggungjawab terhadap rakyat dan bertanggungjawab memberikan jaminan hidup yang mulia kepada mereka.

1.3 Islam adalah tanahair

Islam adalah tanahair. Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa ia bermaksud, Islam telah menerangkan pengertian tanahair. Tanahair bagi seorang muslim ialah semua negara Islam (Darul Islam). Maksud negara Islam pula ialah: Seluruh rantau yang didiami oleh orang Islam dan mereka melaksanakan hukum-hukum Islam dalam rantau itu.

Setiap individu muslim berkewajipan mempertahankan dan menghalang musuh daripada menawan Darul Islam. Kewajipan ini merupakan hak sebuah Darul Islam terhadap setiap muslim.

1.4 Islam adalah umat

Umat yang dimaksudkan oleh al-Mursyid di sini ialah sekumpulan manusia yang disatukan dengan satu ikatan. Ikatan ini menjadikan mereka berbeza daripada kumpulan-kumpulan lain. Mereka bersatu, bertaut sesama mereka dan hidup bersama dengan penuh harmoni.

Islam membangunkan umat ini di atas asas akidah Islam. Akidah merupakan ikatan yang paling kukuh dan abadi. Setelah manusia terjalin dalam ikatan akidah Islam, perbezaan bangsa, bahasa atau iklim tidak lagi menjadi suatu hal yang penting. Melalui akidah Islam sahaja mampu membentuk suatu umat. Faktor lain selain akidah Islam tidak akan mampu membina suatu umat. Dalam al-Quran Allah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara”. (Al-Hujurat: 10)

“Sesungguhnya inilah umat kamu, umat yang satu, dan Aku Tuhan kamu, maka sembahlah Aku”. (Al-Anbiya:92)

1.5 Islam adalah akhlak

Islam adalah akhlak. Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa ia bermaksud,

Islam mengambil berat soal akhlak. Perhatian berat Islam terhadap akhlak amatlah jelas. Kerana al-Quran menyebutkan akhlak-akhlak yang baik, iaitu akhlak yang menjadi sifat-sifat orang mukmin. Al-Quran menyebutkan sifat-sifat ini dengan cara memuji, menggesa dan menyeru agar berperibadi dengan akhlak-akhlak tersebut. Al-Quran memuji Rasulullah s.a.w kerana akhlaknya yang tinggi:

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”. (Al-Qalam: 4)

Dalam hadis yang mulia disebutkan:

“Saya (rasul) diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a sewaktu beliau menerangkan akhlak Rasulullah s.a.w, beliau berkata:

“Akhlak Rasulullah ialah al-Quran”

Akhlak mempunyai kedudukan yang dominan dalam dakwah Ikhwan Muslimin. Ikhwan sentiasa mewajibkan diri pendukungnya agar berpewatakan dengan akhlak yang dituntut oleh Islam. Atas dasar ini, amatlah salah mereka yang menyatakan; Memandangkan Ikhwan amat menitik-beratkan soal-soal umum, maka seruan berakhlak tinggi dan mulia adalah bertentangan dengan dasar Ikhwan. Mereka yang beranggapan demikian adalah salah. Kerana akhlak merupakan sebahagian daripada dakwah Islam. Amat tidak layak bagi Ikhwan mengabaikan sesuatu yang dibawa oleh Islam. Selain itu kesempurnaan amal bergantung kepada kesempurnaan ma'nawi (batin). Manakala akhlak yang tinggi dan mulia tergolong dalam pengertian ma'nawi yang akan membuahkan amal soleh. Adalah sia-sia jika kita hanya memperbaiki luaran manusia dan menuntut mereka supaya melakukan amal soleh. Sedangkan kita membiarkan batin mereka menjadi mangsa akhlak yang keji. Oleh demikian akhlak sepatutnya mendapat perhatian berat dan jiwa haruslah dididik dengan akhlak yang mulia.

Akhlak tidak wajar hanya dibataskan dalam lingkungan sifat-sifat mulia yang telah diketahui umum seperti berbicara dengan lemah lembut, manis muka dan rendah diri. Malah medan akhlak amatlah luas sebagaimana yang telah digambarkan oleh Aisyah sewaktu menerangkan akhlak Rasulullah s.a.w:

“Akhlak Rasulullah ialah al-Quran”

Oleh yang demikian, segala sifat-sifat mulia yang dituntut oleh al-Quran termasuk dalam pengertian akhlak. Sifat sabar, tetap pendirian, tabah, mulia diri, benar, menunaikan janji, tinggi *himmah*, ikhlas dan sifat-sifat yang lain termasuk dalam akhlak yang tinggi dan mulia. Sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat tersebut seperti keluh kesah, hilang pertimbangan, ragu-ragu, munafik, hina-dina, dusta, penipu, riak dan sifat-sifat keji yang lain dituntut agar ditinggalkan. Apabila diri bersih daripada akhlak yang keji ini, dan apabila diri telah terhias dengan akhlak yang tinggi dan mulia, seorang muslim akan memiliki peribadi yang kuat, padu, mengutamakan yang baik, berpengaruh dalam hidup dan tabah dalam menghadapi kebatilan.

1.6 Islam adalah kekuatan

Islam adalah kekuatan. Imam Hasan al-Banna menjelaskan bahawa ia bermaksud, Islam menyeru kepada kekuatan. Seorang muslim tidak harus lemah dan rigid. Pada hakikatnya Islam memandang berat soal kekuatan. Secara terus terang Islam menuntut umat Islam mencari faktor-faktor kekuatan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan siapkanlah apa saja kekuatan yang kamu sanggupi”. (Al-Anfal: 60)

Rangkai kata al-Quran ini datang dalam bentuk yang sangat menarik dan umum. Ia mencakupi seluruh jenis kekuatan, sama ada kekuatan itu boleh dicapai semasa turunnya al-Quran atau pada masa-masa selepasnya.

Tuntutan menyediakan kekuatan dalam ayat ini adalah satu tuntutan wajib. Oleh itu umat Islam wajib menyediakan faktor-faktor kekuatan sedaya mampu, sesuai dengan masa dan tempat.

Kekuatan tidak terbatas kepada kekuatan persenjataan semata-mata. Malah melewati batas ini. Ia merangkumi semua perkara yang boleh menjadikan seorang muslim itu kuat, seperti ilmu pengetahuan, kekayaan, perusahaan dan lainnya. Apabila setiap muslim kuat, umat Islam secara keseluruhan akan menjadi kuat.

Untuk mencari dan mencapai kekuatan di zaman moden ini memerlukan daya usaha, ilmu pengetahuan, menyediakan berbagai bentuk, cara dan wasilah, mempelajari segala jenis perusahaan dan berbagai jenis ilmu seperti ilmu kimia dan fizik. Ia meliputi bidang fabrik dan industri, melakukan eksperimen dan mempelajari ilmu pengetahuan yang telah dicapai oleh bukan Islam dalam bidang kebendaan. Oleh kerana pencapaian kekuatan bergantung kepada perkara-perkara ini, kita menyatakan bahawa mempelajari perkara-perkara tersebut menjadi fardhu kifayah kepada umat Islam. Dengan kata lain, haruslah ada di kalangan umat Islam sebilangan yang cukup untuk menunaikan tanggungjawab mencari faktor-faktor yang membawa kekuatan yang seharusnya dimiliki oleh umat Islam. Kenyataan ini selari dengan kaedah fiqh yang mengatakan:

Bila sesuatu yang wajib tidak dapat disempurnakan kecuali dengan adanya perkara lain, maka perkara tersebut juga adalah wajib.

Selain kekuatan jiwa, kekuatan anggota dan akal termasuk dalam pengertian kekuatan yang harus ada pada umat Islam. Oleh itu setiap muslim wajib mencari dan melakukan perkara-perkara yang dapat memberikan kekuatan pada dirinya. Kekuatan jiwa dapat dicapai dengan iman, kekuatan anggota dapat dicapai dengan senaman, menunggang dan lainnya. Kekuatan akal pula dapat dicapai dengan ilmu. Lantaran inilah Imam Mursyid Hasan al-Banna telah mewasiatkan beberapa perkara yang dapat memberikan kekuatan jiwa, badan dan akal. Kita hendaklah menyedari bahawa kebenaran memerlukan kekuatan yang dapat mempertahankannya. Inilah sunnah Allah dalam kehidupan. Lantaran itu Islam tidak mengabaikan soal kekuatan malah menuntutnya demi menjaga dan mempertahankan kebenaran yang dibawanya.

Jika kita nyatakan bahawa menyediakan kekuatan adalah pasti dan wajib pada zaman dulu, maka kepastian dan kewajipan itu lebih penting dan menonjol pada zaman moden ini. Kerana umat Islam hari ini tidak ubah seperti sekeping roti yang dikerumuni oleh semut. Bangsa-bangsa dan umat yang mengerumuni umat Islam ini tidak mampu diusir dan disingkirkan kecuali dengan kekuatan. Kita jamaah Ikhwan Muslimin sebagai duat (pendakwah) ke jalan Allah,

sebagai barisan depan bagi umat yang beriman, barisan yang ingin menyedarkan umat Islam, kita amat perlu kepada kekuatan yang membolehkan kita mencapai matlamat ini. Kekuatan kita ini haruslah terjelma dalam bentuk kekuatan persediaan, iman, ilmu dan kekuatan tanzim (organisasi). Selagi kekuatan ini tidak dapat mengatasi kekuatan kumpulan-kumpulan batil, kita tidak akan dapat mencapai matlamat kita. Oleh itu kita haruslah mempertanggungjawabkan diri kita sendiri untuk mewujudkan kekuatan ini. Allah akan menolong kita jika kita berusaha mencari faktor-faktor yang membawa kepada kekuatan ini.

1.7 Islam adalah rahmat

Rahmat yang dimaksudkan oleh Mursyid di sini ialah perasaan lemah lembut dalam hati yang mendorong manusia menolong orang-orang lemah dan berhajat atau memaafkan orang yang tersilap. Dia juga tidak bertindak balas terhadap perbuatan jahat yang menyimpannya dan merasa simpati terhadap bencana yang menimpa orang lain. Sifat-sifat ini adalah akhlak yang tinggi jika digunakan pada tempatnya. Sifat rahmat dan belas kasihan hanyalah wujud dan berfungsi sewaktu ia dapat membantu pelaksanaan hukum-hukum Allah. Dalam menghukumkan mereka yang melakukan jenayah zina, Allah berfirman yang bermaksud:

“Sebatlah lelaki dan perempuan yang melakukan zina seratus rotan. Janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegak kamu dari (menjalankan) agama Allah”. (Al-Nur: 2)

Demikianlah juga pada hukum-hukum yang lain.

Perasaan rahmat dan belas kasihan tidak sewajarnya diberikan kepada musuh Allah; musuh yang menjadi batu penghalang di jalan Allah sekalipun mereka adalah keluarga yang hampir. Lantaran kita lihat para sahabat yang mulia telah memerangi ayah, bapa saudara, anak saudara dan keluarga mereka yang akrab dalam peperangan Badar, Uhud, Khandak kerana mereka adalah musuh Allah yang menjadi batu penghalang di jalan Allah.

Kita digalakkan memberi kemaafan kepada orang yang menyakiti kita. Kemaafan yang diberikan sedangkan beliau mampu bertindak balas, adalah sebahagian daripada sifat rahmat.

Rahmat dan belas kasihan hendaklah diberikan kepada mereka yang lemah, miskin, terpisah daripada keluarga, orang sakit, orang tua dan orang yang berhajat kepada bantuan dan pertolongan.

Perasaan rahmat dan belas kasihan hendaklah wujud di kalangan pendukung Ikhwan Muslimin sewaktu mereka membentuk masyarakat Islam dan berusaha mencorakkannya dengan corak Islam. Perasaan ini haruslah wujud di kalangan mereka sama ada dilaksanakan secara diam-diam atau terang-terangan. Tetapi kita lebih mengutamakan secara diam-diam.

1.8 Islam adalah keadilan

Keadilan yang dimaksudkan oleh Imam Mursyid Hasan al-Banna di sini ialah tindakan memberi hak kepada mereka yang berhak tanpa berlaku sebarang kekurangan. Kerana keadilan wajib diberikan kepada semua insan, sama ada muslim mahupun kafir, musuh mahupun kawan, keluarga mahupun bukan keluarga. Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kebencian terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa”. (Al-Maidah: 8)

Keadilan akan berlaku melalui hukuman dan kehakiman. Ia juga berlaku dengan pujian, sanjungan, celaan, kritikan dan kecaman. Keadilan boleh berlaku dalam keadaan redha atau marah. Saudara tidak adil jika saudara berat sebelah sewaktu mengadili antara dua orang. Saudara juga tidak berlaku adil jika saudara berlebihan memuji orang yang tidak berhak menerima separuh daripada pujian yang saudara berikan. Bukanlah adil jika saudara berlebihan mengecam seorang yang tidak berhak menerima satu persepuluh dari kecaman saudara. Saudara tidak adil jika saudara memuji semasa suka dan mengeji semasa benci. Bukanlah adil namanya jika saudara berlaku kejam terhadap mereka yang bukan keluarga saudara atau musuh yang menyakiti saudara. Sedangkan saudara menutup mata terhadap perbuatan keluarga, kawan dan orang yang berbuat baik kepada saudara.

1.9 Islam adalah pengetahuan

Islam adalah pengetahuan sebagaimana yang dinyatakan oleh Mursyid. Ia bermaksud menuntut ilmu pengetahuan yang memberi manfaat kepada kita dengan kadar yang mencukupi adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Islam tidak melarang seseorang muslim menambah ilmu pengetahuannya tentang kejadian alam, perusahaan dan berbagai ilmu kebendaan lain yang termasuk dalam erti pengetahuan....Pengetahuan yang dapat menjadi bekalan manusia dalam usaha memajukan bumi dan menggunakan kekayaannya dengan baik. Pengetahuan yang dapat menolong manusia dalam membongkar rahsia alam yang tersembunyi. Tetapi ketika manusia menambahkan ilmunya dalam perkara-perkara tersebut, dia hendaklah mengingati Allah yang memberikan akal fikiran yang waras kepadanya. Allah lah menjadikan alam ini sedia digunakan oleh manusia. Pengetahuan yang diperolehinya hendaklah bertujuan mencari kebajikan dan keredhaan Allah.

1.10 Islam adalah undang-undang

Islam adalah undang-undang sebagaimana yang diterangkan oleh Mursyid. Ia bermaksud, Islam membawa hukum-hukum (undang-undang) untuk mengatur hubungan antara individu. Islam telah menaskan undang-undang dan hukuman terhadap mereka yang melanggar undang-undang tersebut sama berbentuk sivil ataupun jenayah.

Undang-undang Islam merangkumi berbagai aspek hubungan sesama manusia. Oleh itu seseorang muslim tidak wajar meninggalkan undang-undang Islam dan menggantikannya dengan undang-undang lain. Sesungguhnya umat Islam hari ini telah meninggalkan undang-undang Islam dan melaksanakan undang-undang asing. Undang-undang Islam hanya dilaksanakan dalam bidang yang sempit seperti dalam undang-undang kekeluargaan. Malah bidang yang sempit inipun telah mula dinodai oleh 'tangan-tangan kotor' dengan melakukan perubahan dan pindaan.

1.11 Islam adalah ilmu

Ilmu yang dimaksudkan oleh Mursyid ialah makrifat dan mengenali hakikat sesuatu dengan tepat sebagaimana hakikat sebenarnya, mengetahui sesuatu yang diturunkan Allah dan mengetahui tujuan manusia diwujudkan dan kehidupan akhirat yang mengakhiri kehidupan manusia.

Ilmu yang paling tinggi dan mulia kedudukannya ialah mengenal Allah dan mengenal Islam yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w.. Dengan mengenal Allah dan Islam, seseorang muslim akan mengenal Tuhan, Rasul, agama dan ajaran yang terkandung dalam agama tersebut. Peringkat ini disusuli pula oleh ilmu yang berkaitan dengan urusan hidup yang berbagai bentuk. Islam memandang tinggi kedudukan ilmu dan ulama. Ia memberikan kedudukan yang tinggi kepada ulama dan tidak menyamakan kedudukan mereka dengan orang lain. Dalam al-Quran disebutkan:

"Allah mempersaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Dia, yang menegakkan keadilan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu". (Ali Imran: 18)

Orang yang berilmu mestilah menggunakan ilmunya hanya semata-mata mencari keredhaan Allah. Secara sedar dan insaf beliau haruslah membersihkan diri dan yakin bahawa apa yang diketahuinya amatlah sedikit berbanding denganapa yang tidak diketahui. Allah berfirman yang bermaksud:

"Dan tidaklah kamu diberi ilmu kecuali sedikit". (Al-Isra: 85)

Seorang muslim hendaklah sentiasa menambah ilmu pengetahuannya. Firman Allah yang bermaksud:

"Katakanlah, ya Tuhanku tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan". (Al-Anbiya: 114)

1.12 Islam adalah kehakiman

Islam adalah kehakiman, sebagaimana yang telah disebutkan oleh al-Mursyid. Ia bermaksud salah satu daripada manhaj (method) Islam ialah menghukum antara sesama manusia. Kerana manusia amat memerlukan seorang hakim yang dapat menghukum dan menyelesaikan perselisihan mereka serta dapat mengembalikan hak kepada yang berhak.

Sebagai kesimpulan, dalam masalah kehakiman ini dapatlah kita katakan bahawa Islam menganggap masalah kehakiman adalah satu kemestian. Lantaran itu kita lihat, Rasulullah s.a.w telah melantik qadi-qadi (hakim) untuk bertugas ditempat-tempat yang jauh dari Madinah. Qadi ini disyaratkan mempunyai pengetahuan yang luas tentang undang-undang Islam. Atas dasar ini kita lihat, salah satu daripada syarat kelayakan seseorang hakim ialah kemampuannya untuk melakukan ijtihad. Di samping itu beliau mestilah beragama Islam lantaran tugas menghukum adalah termasuk dalam pengertian wilayah dan sultan. Orang kafir tidak layak dan tidak berhak menjadi wali kepada orang Islam. Dalam hubungan ini, Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memerintah orang-orang yang beriman”. (Al-Nisa: 140)

Hakim muslim mestilah menghukum menurut undang-undang Islam. Dia tidak boleh menjatuhkan hukuman berdasarkan undang-undang yang lain. Sewaktu beliau menghukum menurut undang-undang Islam, beliau haruslah berhati-hati dan teliti, berusaha sedaya mungkin untuk melaksanakan keadilan. Seandainya beliau betul dan tepat dalam menghukum, beliau akan dikurniakan ganjaran. Namun seandainya beliau tersilap atau tersalah, beliau akan diberikan satu ‘ganjaran’.

1.13 Islam adalah kebendaan dan harta atau usaha dan kekayaan

Islam adalah kebendaan dan harta atau usahat dan kekayaan bermaksud Islam tidak mencuaikan soal-soal kebendaan. Islam mengambil berat soal-soal rohani dan juga soal-soal kebendaan. Tetapi seseorang muslim hendaklah mengawasi hatinya agar sentiasa ikhlas kepada Allah. Beliau tidak harusnya diperhambakan oleh kebendaan sekalipun kekayaannya tinggi menggunung. Muslim berhal melakukan kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan dengan syarat kerja-kerja yang dilakukan itu halal dan tidak diharamkan syariat.

Beliau berhak menerima hasil usaha dan penat lelahnya. Kerana pemilikan individu dihormati dalam Islam. Pemilikan individu tidak harus dicerobohi atau dirampas. Di samping itu, seorang muslim hendaklah menunaikan kewajiban yang telah diwajibkan Allah daripada hartanya seperti zakat dan nafkah yang telah disyariatkan. Atas dasar ini seseorang muslim tidak ditegah mencari kekayaan. Malah pada dasarnya kekayaan menjadi tujuan setiap usaha yang dilakukan oleh manusia. Apabila seseorang muslim memiliki kekayaan, dan bertaqwa serta menunaikan kewajiban yang telah difardhukan Allah, dia digolongkan ke dalam golongan wali-wali Allah; yang benar-benar bertaqwa kepada Allah.

Ilmu fikrah telah membincangkan persoalan; Siapakah yang lebih baik antara si fakir yang bersabar atau si kaya yang bersyukur. Sebahagian ahli fiqh berpendapat golongan pertamalah yang lebih baik. Golongan yang lain pula berpendapat golongan kedualah yang lebih baik. Tetapi hakikat sebenarnya, yang terbaik ialah mereka yang lebih bertaqwa kepada Allah.

Saudara muslim tidak selayaknya menyisihkan diri daripada melakukan kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan dengan alasan zuhud terhadap dunia. Begitu juga alasan untuk menumpukan sepenuh masa dengan ibadat khusus. Kerana hakikat zuhud sebenar adalah zuhud yang bertakhta dalam hati, bukan pada anggota zahir. Ibadat tidak bertentangan dengan bekerja dan berusaha. Malah bekerja dan berusaha merupakan sebahagian dari ibadat selagi mana ia masih dalam batas halal. Dalam hadis ada dinyatakan:

“Tangan yang di atas (memberi) lebih baik dari tangan yang di bawaah (menerima)”.

Manusia tidak dapat memberikan sesuatu kecuali beliau mempunyai kekayaan. Manakala kekayaan hanyalah dapat dicapai melalui usaha gigih. Di samping itu negara wajib membantu muslim mendapatkan pekerjaan dengan menyediakan kemudahan dan memberikan bantuan kepadanya.

1.14 Islam adalah jihad

Islam adalah jihad. Al-Mursyid menjelaskan ia bermaksud Islam mewajibkan jihad. Hakikat jihad ialah mengorbankan seluruh tenaga pada jalan Allah. Sekalipun yang dikorbankan itu adalah darah yang ditumpahkan dalam medan peperangan. Jihad tidaklah terbatas pada pengorbanan jiwa sahaja, malah termasuk juga pengorbanan harta benda, jihad pena dan lidah.

Seseorang muslim menunaikan jihad secara peribadi sebenarnya dia juga menunaikan jihad sebagai anggota dalam sebuah jamaah. Umpamanya dia menjadi anggota jamaah Ikhwan Muslimin. Ketika dia menunaikan jihad sebagai anggota jamaah, dia hendaklah menyelaraskan jihadnya dengan langkah-langkah jamaah. Dengan penyelarasan itu matlamat jihad secara jamaah yang dilakukan oleh Ikhwan akan tercapai.

Umat Islam hari ini telah mengeneipi dan menjauhkan diri daripada jihad. Sedangkan jihad pada hari ini menjadi rafdhu 'ain ke atas setiap umat Islam. Ini kerana sebahagian besar negara Islam telah dirampas dan diceroboh oleh golongan kafir. Umumnya Islam hari ini dalam keadaan lemah dan hina. Realiti ini menuntut umat Islam berjihad pada jalan Allah demi membebaskan diri mereka daripada kelemahan dan kehinaan. Bahkan mereka juga hendaklah membetulkan kegelinciran mereka sendiri daripada landasan Islam.

Tertegaknya sebuah negara yang benar-benar islam merupakan satu wasilah yang penting dalam melaksanakan tuntutan Islam. Menegakkan sebuah negara seperti ini menjadi matlamat Ikhwan. Oleh kerana matlamat ini dan matlamat Islam yang lain, Ikhwan Muslimin hari ini mengorbankan seluruh tenaga mereka untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut.

1.15 Islam adalah dakwah

Islam juga mewajibkan seorang muslim melakukan dakwah, menyeru kepada Islam melalui wasilah yang dihalalkan syariat. Seperti penulisan, ceramah, perbincangan, melakukan pengembaraan atau rombongan dan lainnya. Wasilah yang paling penting dan berkesan dalam dakwah ialah melalui penonjolan keperibadian muslim seorang pendakwah. Oleh itu orang yang diseru dapat melihat contoh nilai-nilai Islam yang hidup pada diri pendakwah.

Dunia Islam telah lama kehilangan model-model peribadi muslim ini. Lantaran itulah salah satu daripada asas pendakwah Islam ialah menitikberatkan soal-soal tarbiah dan membentuk individu muslim. Semoga dengan ini Ikhwan dapat menyediakan model-model Islam yang hidup. Kemudian menyebarkannya ke dalam masyarakat. Masyarakat akan melihat model-model itu. Mereka dapat melihat bagaimana Islam mencorak manusia. Mereka menjadi cahaya yang bersinar di tengah-tengah masyarakat manusia.

Berdakwah kepada Islam menjadi kewajipan setiap muslim. Firman Allah yang bermaksud:

“Katakanlah: ‘Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata. Maha Suci Allah, dan akku tidak termasuk ke dalam golongan orang musyrik’.” (Yusuf: 108)

Selain itu, sebahagian dari kewajipan Islam ialah menegakkan jamaah yang berdakwah kepada jalan Allah; jamaah yang dapat menyatukan para pendakwah. Moga-moga dengan

penyatuan ini, kesan dan pengaruh mereka akan lebih besar dan berfungsi dalam kehidupan manusia. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang yang beruntung”. (Ali Imran: 104)

Atas dasar inilah jamaah Ikhwan Muslimin ditegakkan. Sebagai menyahut perintah Allah dan menyeru kepada jalan-Nya.

1.16 Islam adalah ketenteraan

Islam adalah ketenteraan. Ia bermaksud bahawa ketenteraan adalah sebahagian daripada tanda-tanda zahir bagi persediaan menghadapi jihad. Tentera merupakan satu-satunya wasilah yang paling kuat.

Menjadi kenyataan dalam menyediakan kekuatan tentera, kita memerlukan parajurit, bekalan dan senjata. Oleh itu setiap individu muslim haruslah mendapat didikan ketenteraan baik dari sudut disiplin, ketaatan, kecekalan, kegigihan, keberanian dan berperaturan di samping menyediakan berbagai bentuk persenjataan.

1.17 Islam adalah gagasan (fikrah)

Islam adalah gagasan. Mursyid menjelaskan ia bermaksud persediaan kekuatan tentera haruslah tegak di atas gagasan tertentu, iaitu gagasan Islam. Dengan lain perkataan, kekuatan tentera Islam haruslah tegak di atas dasar untuk melaksanakan perintah Islam sesuai dengan manhajnya, juga untuk mempertahankan Islam dan menyeru manusia kepada-Nya.

Kebenaran memerlukan kekuatan yang dapat melindungi dan mempertahankannya daripada pencerobohan; kekuatan yang dapat menghapuskan ranjau-ranjau di pertengahan jalan. Sejak dari zaman Rasulullah s.a.w lagi tentera Islam telah melindungi dakhwah Islam dan menghapuskan rintangan-rintangan di jalannya. Dengan perlindungan ini manusia dapat melihat Islam, mengenal keindahan dan mengetahui hakikatnya. Lantaran itu mereka memeluk Islam secara beramai-ramai. Pedang tidak dapat memasukkan Islam ke dalam hati, tetapi pedang memainkan peranan dalam menghapuskan halangan yang merintang Islam untuk masuk ke dalam hati manusia. Dengan terhapusnya rintangan itu, hati manusia terus terbuka luas untuk menerima Islam, lantas cahaya Islam dapat meneranginya. Kalaulah Islam tersebar dengan pedang nescaya kita akan melihat ketangkasan Islam di negara-negara Islam yang telah kehilangan kekuatan, tetapi hal ini tidak berlaku.

Gagasan Islam memerlukan bentuk pendekatan yang baru dan penerangan yang cukup agar umat Islam berjaya dicorakkan dengan gagasan Islam. Inilah yang diusahakan oleh Ikhwan sekadar kemampuan dan kekuatan yang mereka miliki.

Dunia hari ini menjadi medan pertarungan gagasan-gagasan yang beraneka ragam. Gagasan-gagasan ini didukung oleh negara yang menganutinya. Negara-negara ini menyebarkan dan mempertahankan gagasan tersebut. Malangnya pada hari ini, tidak ada sebuah negara pun

yang menganut gagasan Islam dantegak di atas prinsip-prinsip Islam lalu menyumbangkan seluruh tenaga dan kekuatannya untuk mempertahankan dan menyebarkan Islam.

Bertolak dari asas ini, tanggungjawab Ikhwan amatlah besar. Di atas pundak merekalah terletaknya tugas mempertahankan dan menyebarkan Islam sehingga kerajaan Islam yang sebenar dapat tegak di mana-mana negara Islam; Kerajaan yang dapat memikul tugas mempertahankan dan menyebarkan dakwah Islam; Kerajaan yang dapat menghalatujukan umat Islam dan kekayaan negara dalam mengembalikan kehidupan Islam yang silam; Kerajaan yang menegakkan sebuah masyarakat Islam yang sebenar di permukaan bumi dan menghapuskan halangan-halangan yang merintang dakwah Islam.

1.18 Islam adalah akidah yang benar dan ibadat yang sah

Akidah yang dimaksudkan oleh Mursyid ialah pegangan yang diterima dan dipersetujui oleh hati. Akidah atau pegangan seperti ini boleh jadi benar atau salah. Andainya akidah itu benar, itulah akidah yang hakiki. Tetapi sebaliknya jika akidah itu salah, itulah akidah yang batil, rosak dan dusta. Tiada dalam dunia ini akidah yang sebenar selain daripada akidah Islam. Akidah-akidah lain yang menyalahi dan bertentangan dengan akidah Islam adalah akidah-akidah yang batil dan sesat.

Akidah Islam tegak di atas keimanan kepada Allah, malaikat, kitab-kitab yang diturunkan dari langit, rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah, hari akhirat dan mengimani bahawa Qadha dan Qadar adalah dari Allah.

Beriman kepada Allah tertegak atas dua asas:

Pertama: Mengimani rububiyah Allah s.w.t. Dengan lain perkataan, mengimani bahawa Allah s.w.t yang menjadikan sesuatu, menghidup dan mematikan; yang memiliki dan berkuasa; dan juga sifat-sifat Allah yang lain.

Kedua: Mengimani uluhiyyah Allah s.w.t. Dengan kata lain, mengimani bahawa Allah sahajalah yang berhak disembah dan menerima pengabdian dari manusia. Inilah pengertian '*La Ilaha Illa Llah*', pengabdian tidak seharusnya diberikan kepada selain daripada Allah.

Beriman dengan malaikat bermaksud: I'tikad (kepercayaan) yang putus tentang wujudnya makhluk yang digelar malaikat. Bilangan malaikat itu hanya diketahui oleh Allah sahaja. Jibril, Mikail, Israfil, Izrail, adalah sebahagian daripada malaikat tersebut.

Beriman dengan kitab-kitab yang diturunkan dari langit bermaksud; mengimani bahawa Allah telah menurunkan kitab-kitab tersebut kepada para rasul-Nya. Mengimani bahawa kitab-kitab tersebut adalah kalam Allah, seperti kitab Taurat dan Injil. Juga mengimani bahawa kitab dan kalam Allah yang terakhir diturunkan ialah al-Quran. Tugas Rasulullah s.a.w hanyalah untuk menyampaikan al-Quran kepada manusia. Oleh itu lafaz dan makna al-Quran adalah daripada Allah. Al-Quran adalah terpelihara daripada sebarang tokok tambah dan kekurangan. Mereka yang beri'tikad bahawa berlaku penambahan atau kekurangan dalam al-Quran adalah terkeluar daripada landasan Islam.

Manakala beriman kepada rasul-rasul bermaksud; kita beriman kepada semua rasul-rasul yang diutuskan Allah. Bilangan para rasul itu sangat banyak dan al-Quran telah menyebutkan sebahagian daripada mereka. Manakala sebahagian yang lain pula tidak disebutkan. Termasuk dalam pengertian beriman kepada rasul-raul juga, mengimani bahawa Muhammad s.a.w adalah rasul akhir zaman, tidak ada nabi sesudah Baginda. Mengimani dan mengikuti ajaran Muhammad s.a.w adalah wajib. Manusia tidak bebas mengikuti ajaran lain atau beri'tikad

bahawa Muhammad s.a.w bukan rasul yang diutuskan Allah. Mereka yang beri'tikad demikian terkeluar dari Islam dan kufur.

Beriman dengan hari akhirat bermaksud; membenarkan di sebalik kehidupan dunia ini ada kehidupan akhirat. Pada hari tersebut Allah akan menghidupkan manusia sekali lagi dan melakukan perbicaraan terhadap perbuatan dan amalan mereka di dunia. Hasil daripada perbicaraan ini manusia tergolong kepada dua golongan; golongan yang dimasukkan ke dalam syurga, manakala segolongan lagi dicampakkan ke dalam neraka. Perhimpunan di padang mahsyar, perbicaraan dan balasan ini dilakukan ke atas ruh dan jasad manusia. Kita beri'tikad bahawa syafaat Rasulullah s.a.w di hari akhirat adalah benar dan hak. Syafaat ini berlaku dengan izin Allah di kalangan mereka yang dikehendaki Allah. Kita juga beri'tikad bahawa azab dan nikmat kubur adalah benar dan hak.

Beriman dengan qadha dan qadar (untuk baik dan jahat) bermaksud; mengimani apa yang berlaku di dunia ini adalah melalui perbuatan, ilmu dan kehendak Allah. Juga mengimani manusia bertanggungjawab terhadap perbuatan dan amalannya. Manusia tidak berhak menjadikan qadha dan qadar sebagai alasan perbuatan dan tindakan mereka. Kerana Allah memiliki hujah yang putus terhadap hambanya.

1.19 Islam adalah ibadat yang sah

Islam adalah ibadat yang sah. Mursyid menjelaskan ia bermaksud Islam mengandungi berbagai bentuk ibadat. Sebahagiannya ialah ibadat hati seperti kasih, takut, percaya dan tawakkal kepada Allah. Sebahagian yang lain pula ialah ibadat anggota zahir seperti zikrullah, menunaikan kewajipan yang telah difardhukan Allah seperti sembayang, puasa, zakat dan haji.

Semua ibadat-ibadat ini tegak atas dua asas:

Pertama: Ibadat-ibadat ini haruslah menurut apa yang telah disyariatkan Allah.

Kedua: Ibadat-ibadat ini haruslah ikhlas kepada Allah semata-mata.

Berdasarkan dua dasar ini, melakukan bidaah dalam agama adalah haram. Mereka yang melakukan bidaah dalam beribadat kepada Allah tidak mendapat ganjaran malah terpaksa menanggung kerugian. Begitu juga dengan mereka yang melakukan ibadat yang pada zahir menurut syariat, tetapi tidak dilakukan dengan ikhlas kerana Allah, malah dengan tujuan yang lain. Kita berdoa kepada Allah agar memberi taufiq kepada kita untuk melakukan ibadat yang sah dan menjadikan ibadat tersebut ikhlas kepada Allah semata-mata.

Selain itu saudara hendaklah mengetahui bahawa semua amalan, sekalipun amalan harus jika dilakukan dengan ikhlas kepada Allah dan mencari keredhaan-Nya, maka ganjaran amalan tersebut menjadi amalan soleh yang diganjar pahala.

ASAS KEDUA

Bagi seorang muslim, al-Quran dan hadis menjadi sumber untuk mengetahui hukum-hukum Islam. Al-quran difahami menurut kaedah-kaedah Bahasa Arab, dengan tidak memberat dan meringankan. Hadis pula difahami melalui periwayat-periwayat hadis yang dipercayai.

Keterangan

Tidak berlaku perselisihan pendapat di kalangan muslimin bahawa al-Quran merupakan sumber pertama bagi hukum dan hujah bagi umat Islam. Mereka juga sependapat menyatakan bahawa Sunnah Nabawi merupakan penyempurnaan dan pentafsir kepada sesuatu yang umum dalam al-Quran. Sunnah Nabawi juga wajib diikuti sebagaimana al-Quran. Al-Quran dan Sunnah adalah wahyu daripada Allah. Lafaz dan makna al-Quran diwahyukan Allah kepada Rasulullah s.a.w, manakala lafaz Sunnah adalah daripada Rasulullah s.a.w., sementara maksudnya daripada Allah s.w.t. Inilah yang membezakan antara al-Quran dan Sunnah.

Oleh kerana al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab, mereka yang ingin mengetahui hukum-hukum melalui nas al-Quran hendaklah mengetahui kaedah-kaedah Bahasa Arab dan gaya bahasanya dalam menerangkan sesuatu. Selain itu mereka harus mengetahui beberapa perkara lain seperti ayat-ayat yang memansuhkan dan ayat-ayat yang dimansuhkan, sebab-sebab turun ayat dan hikmah pensyariatannya. Mereka juga perlu mengetahui perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan Ulum al-Quran. Di samping itu mereka harus mengetahui hukum-hukum yang disebutkan dalam Sunnah Nabawi agar mereka dapat memahami maksud dan tujuan nas al-Quran.

Oleh kerana kemampuan seseorang tidak sama dalam menguasai semua ilmu yang diperlukan untuk memahami al-Quran, seseorang muslim hanyalah dapat memahami al-Quran sekadar ilmu yang ada padanya. Beliau hendaklah bertanya orang yang mengetahui perkara-perkara yang tidak dapat difahaminya tentang al-Quran.

Sunnah Nabawi pula dapat difahami dengan mengetahui sanad dan matan hadis. Mengetahui sanad ialah: mengenali periwayat hadis. Ia bertujuan untuk mengetahui sejauh mana thiqah (dipercayai) riwayatnya. Dengan ini kesahihan hadis dapat dikenalpasti. Untuk mengenal hadis sahih cukuplah dengan mengetahui hadis-hadis yang dianggap sahih oleh para ulama hadis yang berkemampuan dalam ilmu hadis. Para ulama Islam telah mengumpul hadis-hadis sahih dalam kitab-kitab tertentu. Demikian juga hadis-hadis dusta dan daif telah disenaraikan oleh sebahagian ulama yang lain. Bila seorang muslim mengenali hadis –hadis sama ada sahih atau daif melalui penelitiannya dalam kitab-kitab hadis yang telah diputuskan oleh para ulama, beliau akan dapat mengetahui hadis-hadis yang dipercayai dan boleh diamalkan serta dibuat hujah. Kitab-kitab yang mengandungi hadis sahih ialah: Kitab Sahih Bukhari dan Muslim, Sunan Abi Daud dan Tirmizi, Sunan Nasaie dan Ibnu Majah. Kitab Sahih Bukhari adalah kitab yang paling tinggi kedudukannya di antara kitab-kitab tersebut. Ahli-ahli ilmu telah bersepakat mengatakan bahawa Sahih Bukhari menduduki tempat pertama dari sudut kesahihannya setelah al-Quran. Tempat kedua pula ialah Sahih Muslim, manakala seterusnya empat kitab yang telah disebutkan.

Atas dasar ini, semua hadis yang tersebut dalam Sahih Bukhari dan Muslim adalah hadis-hadis sahih dan periwayat kedua-dua kitab ini adalah *mauthuq* (dipercayai). Memadailah bagi seseorang muslim mengamalkan hadis yang terkandung dalam kedua-dua buah kitab tersebut dan beliau bolehlah berpuas hati.

Maksud mengetahui matan hadis ialah: mengetahui makna hadis dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya. Sekiranya seseorang muslim tidak tergolong di kalangan ulama hadis, maka soal memahami maksud hadis dan mengetahui hukum-hukumnya mestilah dirujuk kepada ahli dan ulama hadis. Kitab yang menitikberatkan *fiqhul hadis* ialah kitab-kitab: Nailul Autar oleh Syaukani, Subulus-Salam oleh San'ani dan Umdatul Ahkam oleh Ibni Daqiqi-Aid.

ASUL KETIGA

Iman yang benar, ibadat yang sah dan mujahadah adalah cahaya dan kemanisan yang dicurahkan Allah ke dalam hati sesiapa yang dikehendaki-Nya. Manakala ilham, lintasan hati, kasyaf dan mimpi tidak menjadi dalil kepada hukum-hukum syariat. Perkara-perkara tersebut hanya dapat diterima dengan syarat tidak bertentangan dengan hukum dan nas syariat.

Keterangan

Iman yang benar ialah iman yang merangkumi pengertian dan ciri-ciri keimanan, seperti bersih daripada syirik khafi, riak dan lemah. Iman yang benar meresap ke dalam hati, bertakhta di jiwa dan anggota zahir untuk melakukan ketaatan kepada Allah, serta menjadikan perkara-perkara ghaib seolah-olah hadir di hadapan mata. Jiwa akan dipenuhi dengan ketenangan, ketabahan dan tetap pendirian, hingga memudahkan mereka berkorban apa sahaja demi jalan Allah. Ia juga menambahkan pergantungan, kepercayaan, tawakkal, takut dan penyerahan diri kepada Allah.

Bila pengertian iman ini memenuhi hati seseorang muslim, jiwanya ringan untuk melakukan segala bentuk ibadat dan ikhlas kerana Allah semata-mata. Ibadat dan iman yang seperti ini mempunyai pengaruh dan kesan yang besar dalam kehidupan dunia dan akhirat. Kehidupan akan dipenuhi dengan kebahagiaan, kegembiraan dan ketenangan yang meresap ke seluruh pelusuk jiwa. Kegemilangan yang sungguh indah dan cahaya yang terang akan memenuhi batin seseorang muslim. Apabila cahaya batin ini bertambah, sinarnya akan melimpah pada orang-orang yang beriman sekalipun kulit mereka hitam atau sawo matang. Manakala di akhirat pula kemanisan iman ini akan dapat dirasakan lebih manis dari madu.

Sebahagian daripada tanda kemanisan iman ialah kecintaan seorang mukmin untuk melakukan ibadat, merasa selesa dan tenang melaksanakannya, juga merasa rindu dan lapang dada terhadap-Nya. Saudara jangan merasa pelik dan menganggap perkara ini hanyalah khayalan semata-mata, kerana iman mempunyai kemanisan yang dapat dirasakan oleh ruh sebagaimana lidah dapat merasakan kemanisan makanan. Hadis yang mulia telah menyebutkan:

“Jika terdapat tiga perkara ini pada seseorang, beliau akan merasai kemanisan iman. Beliau mengasihi Allah dan rasul-Nya lebih daripada sesuatu. Beliau benci kembali kepada kekufuran, setelah Allah melepaskan beliau daripadanya, sebagaimana beliau benci dicampakkan ke dalam neraka. Beliau mengasihi seseorang bukan kerana sesuatu, tetapi hanyalah kerana Allah”

Iman adalah kemanisan dan kemanisan ini akan bertambah apabila iman bertambah kuat dan terpateni.

Di antara kesan iman yang benar dan ibadat yang sah ialah, Allah akan mencampakkan ilham dan lintasan-lintasan ke dalam hati seorang mukmin. Ilham dan lintasan hati yang

menyuluh perjalanan seorang mukmin yang dapat menolongnya mencari kebenaran dan menyelesaikan masalah. Kasyaf juga adalah sebahagian daripada kesan iman yang benar. Kasyaf yang dimaksudkan di sini ialah: Allah menyingkap tabir yang melindungi sebahagian daripada perkara yang tersembunyi, perkara tidak tersembunyi dan perkara ghaib. Termasuk juga dalam pengertian kasyaf ialah mengetahui bisikan hati, niat dan kelemahan sesetengah manusia. Kasyaf yang seperti ini dikenali sebagai 'Firasat Mukmin', sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadis:

“Takutilah firasat mukmin, sesungguhnya beliau melihat dengan nur Allah”

Dalam sebuah *athar* (kisah atau kejadian yang berlaku di zaman para sahabat) diceritakan Saidina Usman bin Affan r.a telah berkata kepada sebahagian hadirin yang datang menemuinya: “Ada di kalangan kamu yang masuk, sedang kesan zina jelas kelihatan di antara dua matanya”. Lantas di kalangan yang hadir bertanya: “Adakah wahyu turun selepas kewafatan Rasulullah wahi Amirul Mukminin?”. Saidina Usman menjawab dengan katanya: “Tidak, malah ia firasat mukmin”.

Kesan zina yang dilihat oleh Saidina Usman di sini adalah kesan mereka yang melihat perkara-perkara haram. Kerana dalam sebuah hadis ada disebutkan bahawa mata itu berzina dan zina mata ialah melihat perkara haram.

Ilham, lintasan hati dan firasat adalah termasuk dalam perkara-perkara yang sabit dan berlaku. Kadangkala perkara ini disebut keramat. Keramat adalah suatu kebenaran yang harus diterima dan wajib diimani, tetapi tidak harus dijadikan sebagai dalil hukum. Kerana dalil-dalil huku hanyalah terbatas pada al-Quran dan Sunnah dan ceraiannya. Walaupun demikian ilham dan seumpamanya boleh dianggap sebagai petunjuk jalan dalam urusan kehidupan. Dengannya kita mengenali seseorang, keadaan-keadaan tertentu dan perkara-perkara yang harus dilakukan atau ditinggalkan.

Sebahagian daripada mimpi adalah benar dan sebahagian yang lain hanyalah merupakan mimpi-mimpi karut. Mimpi seseorang yang benar-benar mukmin pada ghalibnya adalah benar dan jelas, atau memerlukan ta'bir.

USUL KEEMPAT

Jampi, mentera, mengaku mengetahui perkara ghaib dan seumpamanya adalah kemungkaran yang wajib diperangi, kecuali jampi-jampi daripada ayat al-Quran atau jampi-jampi yang diterima daripada Rasulullah s.a.w.

Keterangan

Seseorang muslim dituntut melakukan sebab-sebab yang telah dijanjikan Allah untuk mencapai sesuatu natijah, umpamanya: Makan menjadi sebab hilangnya lapar dan untuk menyambung hidup, minum menjadi sebab hilangnya kehausan, bekerja menjadi sebab menghasilkan pendapatan dan kekayaan, begitulah seterusnya.

Di samping sebab-sebab yang bersifat kebendaan ini terdapat juga sebab-sebab maknawi yang boleh menghasilkan natijah, seperti doa. Boleh jadi penyakit seseorang itu sembuh kerana doa. Begitu juga orang yang sesat mendapat petunjuk kerana doa dan demikianlah seterusnya. Ini kerana semua perkara berada di tangan Allah. Dialah yang menjadikan doa dan permintaan manusia kepada-Nya sebagai sebab untuk mendapatkan sesuatu yang dihajatkan, setelah orang yang berdoa memenuhi syarat-syarat yang menyebabkan doanya tidak disia-siakan. Termasuk dalam sebab-sebab maknawi ini jampi dan doa yang dilakukan oleh seseorang muslim sewaktu beliau ditimpa kesempitan atau sakit. Atau beliau dijampi dan didoakan oleh orang lain sebagaimana yang tersebut dalam banyak hadis seperti:

“Dengan nama Allah saya menjampimu dan Allah menyembuhkanmu dari segala penyakit yang menyakitimu, dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus pada simpulan tali dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki”.

Jampi-jampi dan doa seperti ini diharuskan menurut syariat kerana telah berlaku dalam Sunnah yang suci. Tetapi jampi-jampi yang lain termasuk tukang nujum, dakwaan mengetahui perkara ghaib, menulis kalimah yang tidak difahami, menjadikan batu atau tulang sebagai tangkal, adalah termasuk dalam perkara mungkar yang wajib ditolak dan tidak wajar diterima.

Mungkin ada orang bertanya: “Kenapa di sini kita mengingkari dakwaan mengetahui perkara-perkara ghaib sedangkan asas ketiga mengatakan di antara kesan iman yang benar ialah kasyaf. Bukankah mengetahui perkara ghaib termasuk dalam kasyaf?”

Untuk menjawab soalan ini, kita nyatakan: Sesungguhnya kasyaf berlaku kepada orang-orang yang beriman tanpa diminta dan beliau tidak berhak memintanya. Beliau juga tidak berkuasa mengetahui perkara-perkara ghaib menurut masa dan keadaan yang dikehendaknya. Beliau juga tidak memiliki kuasa pancaindera yang tertentu untuk menjadi kasyaf. Cuma kasyaf itu anugerah Allah kepadanya, lantas perkara-perkara batin dan tersembunyi terbuka kepadanya. Kasyaf sebegini berbeza dengan dakwaan mengetahui perkara ghaib. Kerana mereka yang mendakwa mengetahui perkara ghaib mendakwakan mereka berkuasa melihat perkara-perkara ghaib bila-bila masa sehaja menurut kehendaknya. Sebagaimana beliau berkuasa melihat benda-benda yang wujud di depan mata bila-bila masa beliau kehendaki. Dakwaan seperti ini ditegah dalam syariat.

USUL KELIMA

Pendapat imam (ketua) dan timbalannya dalam masalah yang tidak dinaskan atau telah dinaskan tetapi boleh ditafsirkan dengan pengertian lain; demikian juga pendapatnya dalam masalah yang berhubung dengan maslahat umum, boleh diterima dan diamalkan sekiranya tidak bertentangan dengan kaedah syariat. Pendapat tersebut boleh jadi berubah menurut keadaan, persekitaran dan adat.

Taabud (pengabdian) menjadi asas kepada ibadat dengan tidak melihat pada rahsia, hikmat dan tujuan ibadat tersebut.

Keterangan

Imam ialah ketua yang dipilih oleh muslimin. Melalui pemilihan ini beliau dilantik menjadi ketua negara Islam atau menjadi timbalan ketua negara yang menggantikan ketua sewaktu ketiadaannya. Atau menjadi ketua dalam satu-satu wilayah atau dalam sesuatu jabatan, seperti ketua tentara.

Pendapat imam dalam perkara-perkara ijtihaad, iaitu perkara-perkara yang tidak disebutkan dalam nas al-Quran atau hadis, atau ada nas yang menyentuh perkara tersebut, tetapi boleh ditafsirkan dengan beberapa pengertian; demikian juga pendapat imam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan *masaleh mursalah* (masalahat umum) diterima dan berkuatkuasa, kecuali jika bertentangan dengan kaedah-kaedah syariat, asas-asas yang telah dipersetujui oleh ulama Islam atau nas al-Quran atau hadith yang jelas. Kerana kaedah dalam Islam mengatakan: "Ijtihaad tidak boleh dilakukan dalam masalah yang bertentangan dengan nas".

Hak ketua negara sebagaimana yang kita sebutkan ini, juga menjadi hak ketua jamaah Islam yang dipilih oleh jamaah tersebut untuk mengetuainya. Hak ini bukanlah khusus untuk ketua negara, malah ketua jamaah Islam berhal melakukan ijtihaad dalam perkara-perkara ijtihaad dan perkara yang termasuk dalam kaedah *masalah mursalah*. Begitu juga dalam perkara yang telah dinaskan dalam al-quran dan hadis tetapi nas tersebut boleh ditafsirkan dengan berbagai tafsiran.

Anggota jamaah hendaklah mematuhi dan mentaati keputusan yang dibuat oleh ketua mereka melalui ijtihaadnya. Kerana ijtihaadnya adalah sah di segi syariat. Tetapi jika ijtihaad tersebut terkeluar daripada landasan yang telah diharuskan dan bertentangan pula dengan nas syariat, anggota jamaah tidak wajib mentaati ketua mereka dalam ijtihaadnya. Kerana tidak ada ketaatan terhadap makhluk dalam perkara maksiat kepada Khalik.

Taabud (pengabdian) merupakan asas kepada semua bentuk ibadat. Dengan lain perkataa, kaedah umum dalam ibadat ialah hanya kerana taat kepada Allah semata-mata dan kerana pengabdian diri kepada Allah. Bukan kerana rahsia, hikmah atau tujuan yang terkandung dalam ibadat tersebut. Sekalipun kita mengimani bahawa semua ibadat mengandungi hikmah dan rahsia.

Dalam perkara-perkara yang bukan ibadat pula (perkara-perkara *adiat*) seperti makan, minum, berpakaian dan muamalat haruslah dilihat dari sudut rahsia yang terkandung di dalamnya. Ia hendaklah dilihat dari sudut maksud dan hikmah syariat Islam yang umum; hikmah yang terdapat dalam semua sudut syariat Islam. Berdasarkan hikmah syariat dan maksudnya yang umum dalam meletakkan hukum, kita akan mampu meletakkan hukum ke atas perkara-perkara *adiat* lain yang tidak disebutkan hukumnya dalam nas al-Quran dan hadith.

USUL KEENAM

Perkataan seseorang boleh diterima atau ditolak, kecuali perkataan Rasulullah s.a.w yang bersifat maksum. Perkataan para solehin yang dahulu (salafussoleh) mesti kita terima jika bersesuaian dengan al-Quran dan hadith. Jika tidak, maka al-Quran dan hadithlah ikutan kita yang utama. Tetapi kita tidak melemparkan kecaman dan mencacatkan seseorang dalam

masalah khilaf. Kita serahkan mereka dengan niat mereka masing-masing kerana mereka telah melakukan sesuatu dengan apa yang mereka telah kemukakan.

Keterangan

Rasulullah s.a.w sehalalah yang maksum (bersih) daripada kesalahan. Segala perintah dan tegahannya wajib diikuti, kerana Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan beliau tidak berkata menurut hawa nafsunya sendiri. Perkataannya tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)”. (An-Najm: 3-4)

Perkataan, perintah dan tegahan yang keluar selain daripada Rasulullah s.a.w boleh diterima sekiranya bertepatan dengan syariat. Ia juga boleh ditolak sekiranya salah dan bercanggah dengan syariat. Kerana beliau tidak maksum dan tidak mendapat bimbingan wahyu. Kita tidak pernah mendengar perselisihan pendapat di kalangan ahli ilmu dalam masalah ini.

Para solehin yang terdahulu, seperti para sahabat dan tabi'in selepas mereka telah melakukan ijtihad dalam banyak masalah. Kita menerima ijtihad mereka yang bertepatan dengan al-Quran dan hadith. Kita akan mengikuti al-quran dan hadith sekiranya ijtihad mereka itu tidak bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah. Dalam kedua-dua situasi ini mereka pasti mendapat ganjaran pahala. Mereka akan mendapat dua ganjaran sekiranya ijtihad mereka betul dan tepat. Mereka tetap mendapat satu ganjaran sekiranya ijtihad mereka tersalah. Kita merelai dan meredhai mereka semua dan janganlah kita sekali-kali melemparkan tuduhan dan kecaman terhadap mereka sekiranya mereka berselisih dalam masalah.

Kita tidak sekali-kali dibenarkan membuat tuduhan terhadap para sahabat atau salah seorang dari Khulafa al-Rasyidin. Kerana mereka adalah penghulu segala wali dan pendukung agama. Allah telah memberikan penghormatan kepada mereka dengan menjadikan mereka sahabat Rasulullah s.a.w dan memikul tugas agamanya. Rasulullah s.a.w telah bersabda mengenai mereka:

“Jangan kamu mencaci sahabatku (andainya) seseorang dari kamu membelanjakan emas sebanyak bukit Uhud, bilau tidak akan menyamai salah seorang daripada mereka atau separuhnya”.

Kita beriktikad bahawa perselisihan yang berlaku di antara mereka hingga membawa kepada peperangan merupakan hasil ijtihad mereka masing-masing.

USUL KETUJUH

Seseorang muslim yang ilmunya belum mencapai darjat nazar (boleh mengeluarkan hukum dari dalil) dalam hukum-hukum furuk (cabang), sayugialah beliau mengikut mana-mana imam. Di samping ikutannya itu, adalah lebih baik jika beliau berusaha mencari dan mengetahui dalil-dalil imamnya. Dia hendaklah menerima tunjuk ajar yang disertakan dengan dalil sekiranya bilau yakin orang yang memberikan petunjuk itu benar dan mempunyai keahlian.

Sekiranya beliau tergolong dalam golongan ahli ilmu sayugialah beliau menyempurnakan ilmunya hingga mencapai peringkat nazar.

Keterangan

Secara dasar, seseorang muslim dapat mengetahui hukum-hukum syariat melalui dalil-dalil. Tetapi pada hakikatnya perkara ini bukanlah mudah. Kerana bukan semua orang Islam mempunyai kemampuan untuk mencapai peringkat nazar dan ijtihad. Oleh itu, mereka yang tidak mencapai peringkat ijtihad, hendaklah bertanya kepada ahli-ahli ilmu tentang hukum-hukum yang ingin diketahui. Begitu juga dengan amal-amal yang wajib dilakukannya. Dalam hubungan ini, Allah berfirman yang bermaksud:

“Tanyalah ahli ilmu jika sekiranya kamu tidak mengetahui”. (An-Nahl: 43)

Bertanyakan ahli ilmu yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah, seseorang muslim bertanyakan masalah-masalah yang ingin diketahuinya kepada seseorang alim muslim, warak dan mempunyai pendirian yang tetap. Agar beliau dapat mengetahui hukum syarak dalam masalah tersebut.

Termasuk juga dalam lingkungan bertanyakan ahli ilmu ialah mengikut salah seorang imam mazhab, seperti Imam Abu Hanifah, Syafi'e, Ahmad bin Hambal dan Malik bin Anas. Maksud mengikut imam di sini ialah, kita menerima dan mengamalkan ijtihad dan pendapat mereka dalam masalah fiqh. Beliau tidak seharusnya beriktikad imam yang diikuti itu bersifat maksum. Dalam mengikut mana-mana imam, bilau hendaklah berniat bahawa beliau mengikut mazhab imam tersebut kerana mereka dapat membawa dan membimbingnya mengetahui hukum syariat dalam masalah fiqh. Bila kebenaran berada pada imam yang lain dalam sesuatu masalah, beliau haruslah mengikut imam tersebut dalam masalah itu. Selagi beliau belum pasti kebenaran kepada imam lain, beliau hendaklah mengikut mazhab dan ijtihad iman yang diikutinya.

Atas dasar ini, mengikut mana-mana mazhab dibenarkan dalam syariat. Namun ia bukanlah suatu perkara wajib. Ini bererti seseorang muslim boleh mengikut mana-mana mazhab yang tertentu atas dasar mazhab tersebut dapat memandunya kepada hukum syarak. Seseorang muslim juga dibenarkan tidak mengikut mana-mana mazhab. Malah beliau boleh bertanyakan hukum syarak dalam masalah yang ingin diketahuinya kepada ulama yang beliau pecayai keilmuan dan kewarakannya.

Andainya seseorang yang bertaklid (mengikut) mazhab tertentu mempunyai kemampuan, beliau harus berusaha untuk mengetahui dalil-dalil yang dipegang oleh mazhabnya. Demikian juga jika beliau berkemampuan, beliau harus berusaha untuk menyempurnakan ilmunya hingga mencapai peringkat ijtihad. Tetapi jika beliau tidak berkemampuan sedemikian, tidaklah menjadi kesalahan untuk kekal sebagai pengikut kepada mana-mana imam yang telah diakui kemampuan ilmunya seperti yang telah dijelaskan di atas.

Dalam semua keadaan seseorang muslim hendaklah mengetahui dengan yakin, dia wajib mengikut al-Quran dan Sunnah. Apabila ulama menyatakan suatu hukum syarak dan bertepatan dengan hadith sahih, beliau hendaklah berpegang dengan hadith sahih yang telah diterangkan oleh imam tersebut. Kerana para imam mazhab telah mengatakan, “Jika hadith itu sahih, itulah mazhabku”. Syariat Islam menjadi hujah kepada semua mazhab, sebaliknya mazhab-mazhab tidak menjadi hujah kepada syariat Islam.

USUL KELAPAN

Perselisihan pendapat dalam masalah cabang hukum fiqh tidak boleh menjadi sebab perpecahan dalam agama. Ia sepatutnya tidak menjadi sebab perbalahan dan permusuhan. Kerana setiap orang yang berjihad diganjar pahala. Tidaklah dilarang melakukan penyelidikan (melalui perbincangan dan lain-lain) dalam masalah khilaf, jika bertujuan mencari hakikat kebenaran. Namun dengan syarat perbincangan tersebut hendaklah di atas dasar mahabbah dan kasih sayang kerana Allah. Ia juga hendaklah diasaskan atas dasar kerjasama untuk mencari kebenaran dan hakikat serta tidak terseret kepada pertengkaran yang tercela dan taasub.

Keterangan

Perselisihan pendapat dalam masalah cabang fiqh bukanlah perkara yang asing yang patut dipersoalkan. Kerana perselisihan pendapat ini merupakan tanda-tanda zahir kepada kemampuan pemikiran ulama fiqh. Ia juga menunjukkan sejauhmana mereka dapat menguasai nas-nas hadith. Perselisihan pendapat dalam masalah fiqh telah berlaku pada zaman sahabat. Hal ini membuktikan bahawa perselisihan ini merupakan perkara biasa.

Atas dasar ini kita tidak seharusnya merasa sempit dada berdepan dengan masalah perselisihan ulama di bidang fiqh. Malah kita menganggapnya sebagai tanda-tanda yang menunjukkan luasnya medan syariat Islam. Namun demikian, kita tidaklah menggalakkan berlakunya perselisihan ini, tetapi kita tidak merasa hairan dan pelik sekiranya berlaku perselisihan. Kita tidak menjadikan pendapat fiqh ini sebagai hujah terhadap syariat Islam dalam pengertiannya yang mendalam. Dengan lain perkataan, kita tidak menjadikan pendapat fiqh sebagai hujah terhadap al-Quran dan hadith. Malah kita menjadikan syariat sebagai hujah terhadap pendapat-pendapat fiqh. Mana-mana pendapat fiqh yang terbukti kebenarannya dengan hujah dan alasan syariat, itulah pendapat yang betul dan tepat. Sebaliknya mana-mana pendapat fiqh yang terbukti kesalahannya dengan hujah dan alasan syariat, itulah pendapat yang salah. Sekalipun orang yang memberikan pendapat itu menerima ganjaran ijihad terhadap apa yang dilakukannya.

Atas dasar ini tidaklah menjadi satu kesalahan jika diadakan perbincangan dan kajian-kajian ilmiah yang bersih daripada perasaan taasub untuk mengetahui pendapat yang tepat dalam satu-satu masalah yang menjadi perselisihan ulama fiqh. Tetapi kita memberi amaran keras agar perselisihan pendapat dalam masalah fiqh jangan sekali-kali menjadi punca perpecahan kesatuan agama dan persaudaraan iman. Perselisihan ini juga tidak seharusnya menjadi punca pergaduhan dan benci membenci di kalangan umat.

USUL KESEMBILAN

Membincangkan masalah yang tidak jejak kepada kenyataan (tidak membuahkan amal) adalah tergolong dalam perkara yang memberat-beratkan sesuatu. Memberat-beratkan suatu masalah adalah dilarang oleh syariat. Sebagai contoh: membincang cabang-cabang hukum

yang masih belum berlaku, dengan membuat andaian-andaian, membincangkan penafsiran ayat-ayat al-Quran yang masih belum dicapai oleh ilmu manusia, membincangkan keistimewaan-keistimewaan para sahabat Rasulullah s.a.w atau membincangkan pendapat para sahabat. Kerana para sahabat mempunyai keistimewaan sebagai seorang sahabat. Mereka diganjar menurut niat mereka, tambahan pula masalah takwil merupakan jalan keluar.

Keterangan

Dalam asas yang kesembilan ini, Mursyid telah membayangkan kepada kita agar tidak membincangkan dan mengkaji dengan teliti perkara-perkara yang tidak diwajibkan kepada kita untuk menghalusinya. Kerana membincangkan perkara-perkara ini tidak menghasilkan amal. Membincangkan dan mempersoalkan siapakah mereka yang diceritakan oleh Allah dan Rasulullah s.a.w, seperti siapakah nama sahabat Nabi Sulaiman a.s yang memindahkan istana Balqis, apakah nama pokok yang buahnya dimakan oleh Adan a.s, atau membincangkan masalah qadha dan qadar, cuba menyelami hakikat qadha dan qadar dari segenap sudut, dan berbahas mempersoalkan perselisihan yang berlaku di antara para sahabat.

Kita haruslah memberi sanjungan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w dan beriktikad bahawa merekalah intisari umat ini. Segolongan mereka mempunyai kedudukan dan keistimewaan yang lebih tinggi daripada yang lain sebagaimana yang telah disebutkan dalam al-Quran. Kedudukan dan keistimewaan mereka yang mengorbankan harta dan berjihad sebelum pembukaan Mekkah lebih tinggi berbanding mereka yang melakukan selepasnya. Kita menganggap perselisihan mereka adalah hasil daripada ijtihad masing-masing dan mereka diberikan ganjaran kerana ijtihad mereka, sekalipun ganjaran itu tidak sama antara satu sama lain.

Kita juga memberi sanjungan kepada para Khulafa al-Rasyidin dan kita percaya mereka mendapat kedudukan yang paling tinggi dan istimewa di kalangan para sahabat. Mereka juga tergolong di kalangan sepuluh orang yang telah diberi jaminan syurga.

Adalah haram bagi seseorang muslim menaruh perasaan benci dalam lipatan hatinya terhadap salah seorang dari Khulafa al-Rasyidin dan semua para sahabat yang lain. Kerana mereka telah memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan Islam. Allah telah memilih mereka menjadi para sahabat Rasulullah s.a.w dan menyampaikan risalahnya setelah Baginda s.a.w wafat. Sesiapa yang mendapati dalam hatinya perasaan benci terhadap para sahabat atau sebahagian daripada mereka, perasaan benci tersebut menjadi petanda hatinya telah diserang penyakit.

USUL KESEPULUH

Mengenal Allah, mentauhid dan membersihkan-Nya daripada sesuatu yang menyekutui-Nya adalah akidah yang paling tinggi dalam Islam. Ayat al-Quran dan hadith yang menyentuh sifat-sifat Allah hendaklah kita terima tanpa melakukan tafsiran dan takwilan. Kita jauhi perselisihan ulama dalam masalah ini. Kita berpada dengan apa yang telah diterima pakai oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Firma Allah yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman dengannya (ayat-ayat mutasyabihat). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami”. (Ali Imran: 7)

Keterangan

Tidak syak lagi, mengenal Allah adalah makrifat yang paling tinggi. Makrifat yang mengenalkan sifat-sifat kesempurnaan Allah. Allahlah yang menjadikan, yang berkuasa, yang mencipta, yang alim, yang rahim dan yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan lain sebagaimana yang telah disebutkan al-Quran. Makrifat inilah yang membawa kepada kepatuhan yang mutlak, kasih yang tidak berbelah bagi dan penyerahan yang bulat kepada Allah, tidak pada yang lain. Makrifat beginilah yang membersihkan Allah daripada sebarang sifat-sifat kekurangan. Allahlah yang Esa, tidak ada gandingan, baik pada zat-Nya, sifat dan perbuatan-Nya. Firman Allah yang bermaksud:

“Tidak ada sesuatu yang menyamai-Nya. Dialah yang maha mendengar lagi melihat”. (As-Syura: 11)

Tauhid sebegini dikenali dengan tauhid rububiyah. Di samping itu ada pula tauhid uluhiyyah, dengan pengertian Allah s.w.t sahaja yang berhak menerima pengabdian dalam semua jenis dan bentuknya, hati dan jasad. Inilah pengertian Lailaha illa Allah. Tidak ada tempat pengabdian yang sebenarnya melainkan Allah. Ibadat merupakan hak Allah terhadap hamba-Nya. Firman Allah yang bermaksud:

“Aku tidak menjadikan jin dan manusia kecuali untuk mengabdikan diri kepada-Ku”. (Al-Zariyat: 56)

Pengabdian juga menjadi matlamat utama dalam surah Fatihah al-Kitab. Firman Allah yang bermaksud:

“Hanya Engkau kami sembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan”. (Al-Fatihah: 5)

Mendahulukan kalimah ‘Hanya Engkau’ daripada kalimat ‘kami sembah’ dan ‘kami memohon pertolongan’ memberi pengertian batasaan pengabdian dan meminta pertolongan hanya kepada Allah semata-mata.

Termasuk dalam pengertian mengenal Allah, mengimani sifat-sifat Allah yang disebutkan di dalam al-Quran atau diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. Kita mengimani sifat-sifat ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh al-Quran dan Rasulullah s.a.w. Dengan pengertian kita tidak membandingkan sifat-sifat ini dengan sifat-sifat makhluk dan kita tidak membekukan pengertiannya yang sebenar. Sebagaimana zat Allah tidak menyamai zat makhluk, demikianlah juga sifat-sifat-Nya tidak menyamai sifat makhluk. Inilah maksud perkataan para solehin yang terdahulu: “Kita mengimani ayat-ayat sifat sebagaimana yang tersebut dalam al-Quran, tanpa melakukan perbandingan dan tanpa membekukan makna zahir sifat-sifat tersebut”. Fahaman seperti inilah juga yang dianuti oleh para ulama Islam terdahulu.

Membuat takwilan (tafsiran) terhadap sifat-sifat Allah sebagaimana yang dilakukan oleh ulama kebelakangan ini, menurut pendapat kita bukanlah suatu perkara penting. Mazhab seperti

ini tidak pernah dikenali dalam zaman ulama salaf (yang terdahulu). Kenyataan pula membuktikan bahawa pendapat yang membawakan kebajikan kepada agama ini ialah pendapat ulama salaf.

USUL KESEBELAS

Semua bidaah yang dilakukan dalam agama Islam tanpa sandaran asalnya dan dipandang baik oleh segolongan manusia menurut hawa nafsunya sama ada dengan menambah atau mengurangkan apa yang telah disyariatkan, termasuk dalam perkara-perkara yang sesat yang wajib diperangi dan dihapuskan. Ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang paling baik supaya tidak membawa kepada perkara yang lebih buruk daripada bidaah itu sendiri.

Keterangan

Melakukan bidaah dalam agama adalah haram. Bidaah yang dimaksudkan di sini ialah mengada-adakan ibadat atau muamalat yang tidak disyariatkan Islam. Bidaah tersebut boleh berlaku dengan cara menokok tambah apa yang telah ada dalam syariat atau mengurangkannya. Hadis menyatakan:

“Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu yang tidak ada dalam agama ini adalah ditolak (tidak diterima)”.

Dalam hadith lain dinyatakan:

“Semua bidaah itu sesat”.

Atas dasar ini seseorang muslim hendaklah melakukan ibadat dan muamalat dalam batas yang telah disyariatkan. Hawa nafsu tidak harus memainkan peranan dalam urusan syariat Allah. Seseorang muslim juga mestilah berusaha menjauhkan orang lian daripada perkara-perkara bidaah dengan cara bijaksana dan perkataan yang lembut. Kenyataan membuktikan perkara yang dapat dibaiki dengan lemah lembut lebih banyak daripada perkara yang dapat dibaiki dengan kekerasan. Kerana manusia dalam kejahilan dan kebanyakan perkara bidaah telah terlalu lama dan berakar umbi di kalangan manusia. Keadaan ini memerlukan pengubatan secara halus, sabar dan nasihat yang ikhlas. Semoga Allah memberikan taufik-Nya. Saudara tidak harus menggunakan kekerasan dalam usaha memerangi bidaah sekiranya saudarau mengetahui kekerasan itu akan mengakibatkan perpecahan yang lebih buruk dari keburukan bidaah itu sendiri.

USUL KEDUA BELAS

Bidaah yang dilakukan dengan menambah, mengurangkan dan terikat dengan cara-cara tertentu dalam melakukan ibadat yang mutlak adalah termasuk dalam masalah khilaf. Setiap orang mempunyai pendapat yang tertentu. Tidak menjadi kesalahan mencari hakikat melalui bukti dan dalil.

Keterangan

Bidaah dengan cara menambah bermaksud, menambah perkara yang telah disyariatkan Islam dengan perkara lain yang tidak disyariatkan. Bidaah dengan cara meninggalkan pula bermaksud, meninggalkan sebahagian daripada perkara yang telah disyariatkan. Termasuk dalam bidaah pertama ialah menambah bacaan yang tidak disyariatkan selepas azan dan termasuk dalam bidaah kedua ialah meninggalkan terus (sepanjang masa) sembahyang sunat selepas sembahyang Jumaat.

Maksud berpegang atau terikat dengan cara-cara tertentu dalam melakukan ibadat yang mutlak ialah, melakukan ibadat tertentu menurut kebiasaan seperti melakukannya pada waktu-waktu tertentu sedangkan ibadat tersebut tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan cara tersebut. Seperti membaca surah al-Fatihah dan al-Ikhlash setiap hari selepas sembahyang subuh atau ibadat-ibadat lain.

Ketiga-tiga perkara ini mengikut pendaat Mursyid termasuk dalam perkara khilaf. Tidakkah menjadi salah menyelidiki perkara-perkara tersebut untuk mengetahui apakah harus dilakukan mengikut syariat. Kita berpendapat perkara tersebut lebih baik ditinggalkan kerana tidak pernah diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Sedangkan ibadat yang diterima dan diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w sudah mencukupi bagi mereka yang inginkan kesejahteraan dalam agamanya dan mendapat kemenangan di akhirat.

Atas dasar ini kita berpesan agar berpegang teguh dan membataskan ibadat dalam lingkungan ibadat-ibadat yang diterima daripada Rasulullah s.a.w sahaja. Sama ada dari segi jenis ibadat, bentuk, keadaannya, masa dan caranya. Kita juga berpesan agar meninggalkan ibadat-ibadat yang tidak pernah diterima daripada Rasulullah s.a.w.

USUL KETIGA BELAS

Mencintai para solehin dan memuji-muji mereka berdasarkan amal-amal soleh yang mereka lakukan adalah sebahagian daripada taqarrub kepada Allah. Wali-wali Allah ialah mereka yang disebutkan Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa”. (Yunus: 63)

Keramat berlaku dengan syarat-syarat yang telah ditentukan syariat. Di samping itu kita beriktikad mereka tidak berkuasa memberi manfaat dan mudarat terhadap diri mereka sewaktu hidup dan sesudah mati. Apatah lagi terhadap orang lain.

Keterangan

1. Cintakan para solehin adalah sebahagian daripada tanda iman. Kerana seseorang muslim mencintai mereka lantaran ketaatan mereka kepada Allah. Dengan itu, kecintaan kepada mereka dikira kecintaan kepada Allah dan kerana Allah.

Bencikan para solehin merupakan tanda-tanda kelemahan, kekotoran dan kecacatan iman. Lantaran inilah hadith menyebut:

“Cintakan kaum Ansar tanda keimanan”.

Kaum Ansar termasuk dalam golongan kekasih Allah dan hamba-Nya yang soleh. Oleh itu mencintai mereka merupakan tanda-tanda iman, sebaliknya membenci mereka merupakan tanda-tanda kelemahan iman.

Di samping itu kecintaan yang dimaksudkan di sini bukanlah kecintaan yang melawati batas, dengan memberikan sesuatu yang tidak layak diterima dan menganggap mereka mempunyai keistimewaan yang mereka tidak miliki. Cintakan para solehin yang melewati batas ini bukanlah cinta yang syar’ie dan bukan menjadi tanda keimanan yang benar.

Para solehin yang dimaksudkan di sini ialah wali-wali Allah. Wali-wali Allah ialah mereka yang benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allah dalam lingkungan kadar kemampuan manusia. Wali Allah yang paling tinggi darjatnya ialah para sahabat, kemudian diiringi oleh para tabi’in yang mengikuti jejak langkah mereka.

Seseorang muslim tidak harus menaruh perasaan benci terhadap mereka. Malah seseorang muslim yang hatinya dilimpahi iman hendaklah mencintai dan memberi sanjungan kepada mereka.

Termasuk juga dalam golongan wali ialah jamaah Ikhwan Muslimin; jamaah yang menyebarkan dakwah Islam pada saat kekufuran dan kejahilan bermaharajalela. Mereka yang memusuhi dan menaruh perasaan benci terhadap Ikhwan Muslimin nyatalah dalam hatinya tersembunyi sifat-sifat munafik, lemah iman, buta mata hati. Manakala mereka yang mencintai Ikhwan Muslimin nyatalah dalam hati mereka tersemat kesucian iman dan fitrah yang sejati.

2. Keramat memang berlaku kepada wali-wali Allah. Keramat yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara luar biasa yang berlaku kepada para wali. Keramat dalam pengertian ini telah banyak berlaku di zaman silam. Ia juga berlaku sekarang dan akan datang. Keramat bukanlah suatu perkara yang boleh dianggap tidak baik dan ganjil. Keramat termasuk dalam lingkungan perbuatan dan cipataan Allah.

Selain itu kita ingin menyentuh beberapa perkara:

Pertama: Istiqamah (tetap pendirian) dalam melakukan perintah agama menjadi tujuan seseorang muslim dalam melakukan amal soleh dan bukannya untuk mencapai darjat keramat. Anugerah keramat yang paling tinggi dan mulia bagi seseorang muslim daripada Allah ialah menjadikannya seorang muslim dan menetapkan pendiriannya dalam Islam hingga akhir hayat.

Kedua: Keramat hanyalah berlaku kepada wali-wali Allah. Perkara luar biasa yang berlaku kepada musuh Allah merupakan tipu daya syaian untuk menjatuhkan mereka ke lembah kesesatan.

Atas dasar ini, sebarang hukum yang kita letakkan kepada seseorang haruslah didasarkan kepada amalannya dan sejauh mana beliau berpegang dengan syariat Allah. Bukan berdasarkan kepada perkara-perkara luar biasa yang berlaku kepadanya. Kita tidak akan mempercayai seseorang yang cuba menyakinkan kita kebenaran sesuatu yang bercanggah dengan syariat

Islam, sekalipun beliau membuktikan perkara tersebut dengan kemampuannya menghidupkan yang mati atau memancarkan air dari perut bumi. Kita juga tidak menganggap perbuatannya itu sebagai bukti kebenaran perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Kisah Dajjal menjadi bukti kepada apa yang kita lakukan.

3. Sekalipun keramat berlaku kepada wali-wali, namun mereka tidak berkuasa melakukan sebarang manfaat dan mudharat terhadap dirinya sendiri apatah lagi kepada orang lain. Oleh itu, seseorang muslim tidak boleh menyekutukannya dalam ibadat. Beliau tidak harus takut kepadanya sebagaimana beliau takut kepada Allah. Beliau tidak harus berdo'a kepadanya atau meminta pertolongan daripadanya. Kerana perkara sebegini termasuk dalam lingkungan ibadat dan ia merupakan hak Allah yang tidak boleh diberikan kepada selain daripada-Nya.

USUL KEEMPAT BELAS

Menziarahi kubur adalah sunnah yang disyariatkan dan mestilah mengikuti cara yang diterima daripada Rasulullah s.a.w.. Tetapi meminta pertolongan daripada si mati walau bagaimana bentuk sekalipun, menyeru mereka supaya mereka memberikan pertolongan, meminta mereka menunaikan hajat, dari jauh atau dekat, bernazar kepada mereka, membina perkuburan, mengelambui, meneranginya dengan lampu dan memperluaskannya, bersumpah dengan nama selain Allah dan perkara-perkara yang seumpamanya, adalah bidaah dan dosa besar yang wajib diperangi. Kita tidak melakukan perkara-perkara tersebut melainkan untuk menutup punca-punca kemungkaran.

Keterangan

Menziarahi kubur menurut kaifiat yang diterima daripada Rasulullah s.a.w dengan tidak melakukan bidaah adalah disyariatkan dalam Islam. Menziarahi tanah perkuburan yang dibenarkan syariat adalah dengan tujuan mengambil iktibar dan pengajaran. Seseorang muslim yang menziarahi perkuburan hendaklah membayangkan dalam benak fikirannya bahawa akhir hayatnya akan sama dengan akhir hayat mereka yang sedang terbaring dalam pusara. Biar sepanjang manapun umurnya beliau tetap akan meninggalkan dunia. Bila sampai di perkuburan, beliau hendaklah memberi salam dan mendoakan ahli kubur dengan salam dan doa yang diterima daripada Rasulullah s.a.w. Di antara salam dan doa tersebut ialah:

“Sejahteralah atas kamu orang-orang mukmin dan muslim penghuni kubur. Kami Insya Allah akan menemui kamu. Kamu telah mendahului kami dan kami tetap akan mengikut jejak kamu. Kami berdo'a agar Allah memberikan kesejahteraan dan keampunan kepada kamu dan kami juga. Ya Allah, janganlah halang kami daripada ganjaran mereka dan janganlah fitnah kami sesudah mereka, ampunkanlah kami dan mereka”.

Dengan ini jelaslah bahawa menziarahi perkuburan adalah semata-mata untuk mengambil iktibar dan pengajaran serta mendoakan mereka yang telah meninggal dunia.

Selain itu bermusafir untuk menziarahi kubur-kubur tertentu tidak pernah diriwayatkan dalam hadith Rasulullah s.a.w. Malah diriwayatkan sebaliknya iaitu hadith yang melarang bermusafir dengan tujuan tersebut. Oleh yang demikian, memadai bagi seseorang muslim dengan hanya menziarahi perkuburan yang ada di negerinya atau di tempat tinggalnya.

Pelbagai bidaah dilakukan oleh kebanyakan orang pada hari ini seperti meminta pertolongan daripada si mati yang berada dalam kubur dan lain-lain yang telah disebutkan Mursyid. Kesemuanya adalah bidaah dan wajib diperangi. Jangan sekali-kali bidaah-bidaah ini mengotori kita. Kita tidak harus merelainya walau apapun alasan dan penafsirannya.

USUL KELIMA BELAS

Doa yang dilakukan secara bertawassul (perantaraan) kepada Allah melalui makhluk-Nya, termasuk dalam masalah khilaf pada segi kaifiat berdoa dan tidak termasuk dalam masalah khilaf.

Keterangan

Berdoa dan meminta sesuatu selain daripada Allah tidak harus sama sekali dalam syariat Islam; seperti berdoa meminta kepada wali-wali tertentu. Umpamanya: Beliau mengatakan: “Wahai wali ‘pulan’ sembuhkanlah penyakitku ini” atau lain-lain lagi.

Berdoa kepada Allah secara bertawassul (perantaraan) melalui makhluk Allah, umpamanya beliau mengatakan: “Ya Allah! Aku bertawassul kepada-Mu melalui si polan agar Engkau menyembuhkan penyakitku” atau dia berkata: “Ya Allah! Sembuhkanlah penyakitku dengan kemuliaan si polan”. Doa-doa seperti inii menjadi perselisihan pendapat di kalangan ulama sebagaimana yang telah dikatakan oleh Mursyid. Kita berpendapat doa-doa seperti ini ditegah, kerana tidak pernah diriwayatkan Rasulullah s.a.w bertawassul dengan makhluk Allah dalam doanya. Doa seperti ini juga tidak pernah diriwayatkan daripada para sahabat. Yang paling baik ialah mengikut Rasulullah dan para sahabatnya, bukan melalui bidaah.

USUL KEENAM BELAS

Uruf (kebiasaan) yang salah tidak dapat merubah makna lafaz-lafaz syariat yang hakiki, malah kita wajib menentukan batas makna yang dimaksudkan oleh lafaz-lafaz itu. Kita haruslah membataskan maknanya pada pengertian yang dimaksudkan sahaja. Kita hendaklah berwaspada daripada tertipu dengan perkataan-perkataan dalam semua bidang, dunia dan agama. Yang diambil kira ialah hakikat sesuatu benda, bukan nama yang diberikan.

Keterangan

Uruf ialah perkara yang diketahui ramai dan telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan juga hubungan sesama mereka. Uruf yang bercanggah dengan hakikat syariat sebagaimana yang

diterangkan oleh nas al-Quran dan hadith dianggap sebagai uruf yang salah dan batal. Ia tidak boleh diterima dan wajar mendapat perhatian berat. Uruf yang salah tidak harus diikuti, sekalipun ia telah dikenali dengan berbagai nama dan istilah. Umpamanya orang ramai mengenali dan menamakan arak atau minuman yang memabukkan dengan nama lain seperti susu atau madu, namun arak tetap arak.

Demikian juga minuman yang memabukkan, hukumnya tetap haram sekalipun namanya diubah. Yang menjadi ukuran ialah hakikat sesuatu benda. Lafaz, kalimah dan pengertian yang terkandung di dalamnya haruslah disuaibandingkan dengan hakikat syariat. Andainya pengertian kalimah tersebut bertentangan dengan hakikat syariat, ia wajib ditinggalkan dan tidak harus diikuti. Andainya nama atau perkataan yang digunakan itu mengandungi beberapa tafsiran; tafsiran yang benar dan tafsiran yang salah, ia hendaklah ditukar dengan nama atau perkataan yang terdapat dalam syariat. Agar maksud dan pengertiannya jelas. Seperti perkataan *Qaumiah* (kebangsaan). Perkataan ini mengandungi berbagai-bagai maksud dan pengertian yang salah dari segi syariat. Pengertian yang salah telah menjadi maksud mereka yang memperjuangkan faham *Qaumiah*. Oleh itu kita wajib meninggalkan perkataan ini dan tidak perjuangkannya.

Sebagai kesimpulan dalam masalah in, seseorang muslim sedapat mungkin hendaklah menggunakan perkataan dan istilah yang diterimapakai oleh syariat dan meninggalkan perkataan dan istilah yang tidak digunapakai oleh syariat. Andainya terpaksa menggunakan istilah yang samar pengertiannya, beliau hendaklah menjelaskan maksud yang dikehendaki. Agar tidak berlaku kekaburan dan kesamaran bagi mereka yang mendengar atau membacanya.

USUL KETUJUH BELAS

Akidah adalah asas kepada amal. Amal hati lebih penting berbanding amal anggota. Mencari kesempurnaan dalam kedua-dua bidang ini adalah dituntut syariat, sekalipun taraf tuntutan berbeza.

Keterangan

Akidah Islam adalah akidah yang tegak di atas dasar iman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab Allah, rasul-rasul, hari akhirat, qadha dan qadar sama ada baik atau buruk. Ia juga tertegak diatas asas yang terkandung dalam akidah tersebut. Akidah Islam menjadi asas kepada amal. Amal tidak akan diterima jika tidak berlandaskan akidah Islam. Kerana akidah Islam berfungsi sebagai pendorong untuk beramal sesuai dengan tuntutan akidah tersebut. Amal akan rosak dan tidak diterima jika berlaku cacat, rosak dan batal dalam perkara-perkara akidah. Demikian juga keadaannya jika asas-asas Islam tidak sempurna.

Sejauh mana akidah Islam dan asas-asasnya tertanam dalam jiwa, sejauh itulah beratnya amalan pada neraca amal. Dan sejauh itulah beratnya amalan dapat membuahkan hasil yang baik. Samalah keadaannya dengan seponon pokok, sejauh mana tunjangnya mendalam ke dasar bumi, sejauh itulah ia akan menghasilkan buah yang baik dan segar.

Amalann hati lebih penting daripada amal anggota zahir, kerana hati menjadi pusat arahan untuk beramal. Amalan anggota zahir akan diredhai Allah apabila hati dipenuhi iman, ikhlas, bulat berserah kepada Allah, penuh perasaan takut kepada-Nya dan merasakan bahawa Allah sentiasa memerhatikannya. Lantaran itu amalan hati lebih penting berbanding amalan

anggota zahir. Malah ibadat-ibadat hati lebih besar ganjarannya berbanding amal anggota zahir. Seperti bertawakkal kepada Allah, redha dengan qadha-Nya, percaya dan mencintai-Nya, takut dan membulatkan penyerahan diri kepada-Nya. Demikianlah juga ibadat-ibadat hati yang lain, termasuk membersihkan hati daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan ibadat-ibadat tersebut.

Sekalipun amal anggota zahir menjadi satu kepastian dan amal hati memerlukan amal anggota zahir, namun amal anggota zahir akan lebih bersih dan agung bila hati segar ketika melakukan ibadah. Sebaliknya amal anggota zahir akan pudar apabila hati beku, lalai atau malas melakukan ibadah dan amalnya.

Oleh itu, seseorang muslim hendaklah memberi perhatian berat kepada ibadah hati pada setiap masa; masa pergi atau kembali, dalam perjalanan atau bermukim, waktu bekerja, waktu jaga dan bersendirian. Apabila sampai waktu melakukan amal dan ibadah anggota zahir seperti sembahyang, puasa dan jihad, beliau hendaklah melakukannya dengan cergas, menunaikan dengan hati yang segar, sedar dan teliti. Beliau tidak harus mencuaikan amal anggota zahir dengan alasan sibuk dengan ibadah hati, sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian orang jahil dan sesetengah kalangan ahli tasawuf. Ibadah anggota zahir mesti dilakukan dan tidak wajar diabaikan di samping tidak melalaikan ibadah hati.

USUL KELAPAN BELAS

Islam membebaskan akal. Ia menggalakkan agar mengamati kejadian alam kelilinan. Islam menjunjung tinggi kedudukan ilmu dan ulama. Mengalukan sesuatu yang baik dan bermanfaat. Hikmah merupakan barang yang hilang dari seseorang mukmin, di mana saja beliau menemuinya, beliaulah yang lebih berhak memilikinya.

Keterangan

Islam membebaskan akal daripada belenggu kejahilan, kesesatan dan kebatilan. Kerana kebebasan berfikir dapat meletakkan manusia di jalan yang benar dan memeliharinya daripada tergelincir dan tersalah. Ia dapat menyelesaikan masalah besar yang sentiasa menghantui pemikiran manusia. Iaitu menjawab persoalan yang menjadi tanda tanya manusia; dari mana kita datang, kenapa kita diwujudkan dan ke mana kesudahan akhir hayat ini.

Kebebasan berfikir bukanlah bererti akal boleh bebas berfikir tanpa batas sempadan. Malah kebebasan ini hanyalah berlegar dalam lingkungan batas tabie akal itu sendiri. Agar akal dan khayal tidak bercampur baur yang membuatkan akal melihat kebatilan sebagai suatu hakikat dan kesalahan sebagai satu kebenaran.

Islam membebaskan akaldaripada pengabdian diri terhadap selain Allah, membebaskan daripada berpegang dan menganuti kebatilan dunia. Islam menggalakkan umatnya berfikir dan merenung kejadian alam. Al-Quran memuji dan memberikan sanjungan kepada mereka yang berfikir dan memerhatikan kejadian langit dan bumi. Kerana dengan berfikir dan memerhati kejadian alam akan menambahkan kekuatan imandan pengetahuan mereka tentang kekuasaan Allah.

Pada zaman moden ini umat Islam haruslah mengambil faedah daripada ilmu-ilmu berkaitan dengan kejadian alam dan ilmu-ilmu moden lain. Mereka haruslah mempelajari ilmu-

ilmu tersebut agar mereka dapat mengetahui berbagai rahsia alam. Kemudian maklumat-maklumat yang terkumpul boleh digunakan sebagai satu wasilah dakwah. Di samping itu, ilmu-ilmu tersebut juga boleh dimanfaatkan kepada perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan urusan dunia mereka.

Islam menjunjung tinggi kedudukan ilmu dan ulama. Ini jelas terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Islam juga mengalu-alukan sesuatu yang baik dan bermanfaat. Dengan kata lain, Islam tidak melarang mempelajari sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia seperti rekaan-rekaan moden, berbagai sektor industri perusahaan, ilmu perubatan, fizik dan kimia. Malah mengkaji dan mempelajari ilmu-ilmu tersebut menjadi fardhu kifayah kepada umat Islam memandangkan mereka memerlukan ilmu-ilmu tersebut. Apatah lagi ilmu-ilmu ini menjadi faktor-faktor kekuatan. Manakala berusaha menyediakan kekuatan adalah wajib bagi umat Islam.

Seorang muslim mestilah mempelajari semua jenis ilmu dan perusahaan yang berguna dan memberi manfaat. Sekalipun ilmu-ilmu tersebut diterima, dimula atau ditemui oleh bukan Islam. Kerana seseorang muslim lebih berhak mengambil manfaat daripada ilmu-ilmu yang berguna berbanding orang lain. Seorang muslim tidak harus menolak kecuali perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam dan ditegah syariat.

USUL KESEMBILAN BELAS

Kadang-kadang masalah yang dibincangkan oleh syariat berlainan dengan masalah yang dibincangkan oleh akal, namun demikian syariat dan akal tidak bercanggah dalam perkara-perkara yang telah menjadi hakikat dan kenyataan. Percanggahan tidak akan berlaku antara hakikat ilmiah yang sah dengan kaedah syariat yang telah sabit. Perkara-perkara yang dzanni (belum putus) dari sudut akal dan syariat haruslah ditafsirkan supaya bersesuaian dengan hakikat yang telah putus. Sekiranya pandangan syariat dan akal dalam sesuatu masalah itu masih dzanni, maka pandangan syariat haruslah diutamakan untuk diikuti, hinggalah pandangan akal dalam masalah tersebut dapat membuktikan kebenarannya atau gugur dengan sendirinya.

Keterangan

Pandangan akal bermaksud, sesuatu yang dapat dicapai oleh akal dalam perkara berkaitan dengan kejadian alam dan kehidupan. Manakala pandangan syariat bermaksud, hukum halal dan haram dan masalah yang bersangkutan dengan kejadian alam dan kehidupan yang disebut dalam nas al-Quran dan hadith.

Perkara yang dinaskan dalam al-Quran, sama ada berkaitan dengan masalah halal dan haram atau berhubung dengan kejadian alam dan kehidupannya, adalah perkara hak dan putus. Ia tidak boleh diperbahaskan lagi. Namun demikian boleh jadi nas al-Quran yang menjadi dalil dalam sesuatu masalah itu tidak qat'ie (putus). Dengan kata lain, nas-nas al-Quran tersebut boleh ditafsirkan dengan berbagai pengertian. Atau boleh jadi nas al-Quran itu qat'ie yang hanya mengandungi satu pengertian dan tidak boleh ditafsirkan lagi dengan pengertian lain.

Nas al-Quran yang qat'ie merupakan dalil yang putus. Pengertiannya hendaklah diterima tanpa melihat kepada dalil-dalil yang biasa digunakan untuk mengetahui perkara-perkara halal dan haram atau dalil yang digunakan untuk mengetahui masalah yang bersangkutan paut dengan

kehidupa. Pengertian yang terkandung dalam nas-nas tersebut adalah muktamad. Seseorang muslim tidak dibenarkan menyanggahi dan menyalahi pengertian tersebut. Sebagai contoh, ayat-ayat al-Quran yang menerangkan kejadian Adam a.s, kewujudan syaitan dan jin yang bertutur dan dan bekal dan lain-lain lagi.

Manakala nas al-Quran yang tidak qat'ie, kita boleh memilih salah satu daripada pengertian yang ditunjukkan oleh nas tersebut. Agar kita dapat menyesuaikan dengan hakikat yang telah putus dan sabit melalui eksperimen dan dalil yang yakin. Seperti pendapat yang mengatakan bahawa bumi adalah bulat. Nas al-Quran ada membayangkan pengertian ini dan ia boleh ditafsirkan sedemikian. Maka pendapat yang menyatakan bumi ini bulat boleh diterima.

Pengertian nas al-Quran dari hadith yang qat'ie tidak mungkin bercanggah dengan hakikat yang telah sabit melalui dalil yang putus, bukti yang nyata dan yakin. Sekiranya perkara yang dianggap sabit itu tidak mencapai peringkat yakin, ayat-ayat al-Quran yang mengandungi berbagai pengertian boleh ditafsirkan dengan penafsiran yang sesuai dengan tuntutan bahasa Arab dan berpandukan sebab turunnya ayat tersebut.

Dalam kesempatan ini kita nyatakan bahawa al-Quran adalah kitab hidayah, pengajaran dan akhlak bukan buku fizik, kejuruteraan atau botani. Ilmu-ilmu tersebut dipelajari oleh manusia melalui penyelidikan, eksperimen dan akal. Namun kita tidak ditegah mengkajinya. Meskipun demikian, kadang-kadang al-Quran menyentuh persoalan alam dengan tujuan menarik pandangan manusia kepada kekuasaan Allah dan keindahan cipataan-Nya. Dalam menyentuh permasalahan ini, al-Quran menyebutkan sebahagian daripada hakikat alam. Hakikat kejadian alam yang benar. Sesuatu yang menyanggahi hakikat yang telah dinyatakan al-Quran dianggap terbatal, jika ayat-ayat yang menyentuh hakikat tersebut terang dan jelas menerangkan hakikat tersebut.

USUL KEDUA PULUH

Kita tidak mengkafirkan seseorang muslim berdasarkan pendapat atau maksiat yang dilakukannya. Sedangkan beliau telah mengucap dua kalimah syahadah dan melakukan tuntutan syahadahnya, iaitu dengan melakukan sesuatu yang telah difardhukan kepadanya. Kecuali beliau berikrar dan mengakui kekufurannya, mengingkari perkara yang diketahui secara pasti dalam agama, mendustakan lafaz dan pengertian al-Quran yang terang dan jelas, menafsirkan al-Quran dengan penafsiran yang tidak sesuai dengan aliran Bahasa Arab atau beliau melakukan perbuatan yang biasa tidak dapat ditafsirkan dengan tafsiran selain daripada kekufuran.

Keterangan

Mengkafirkan seorang muslim adalah perkara yang amat merbahaya. Oleh itu tuduhan ini hanyalah boleh dibuat bila seseorang melakukan perkara yang boleh mengeluarkan beliau daripada agama Islam (murtad), seperti beliau melakukan perbuatan atau perkataan yang tidak boleh ditafsirkan dengan tafsiran lain daripada kufur. Umpamanya beliau mengingkari perkara yang diketahui secara pasti dalam agama. Seperti mengingkari sembahyang itu wajib, riba haram, mengatakan bahawa berpegang dengan Islam itu bukan suatu kepastian yang wajib,

mempersendakan Islam, mempersendakan al-Quran, mencerca Allah dan rasul-Nya, mencemarkan al-Quran dengan najis, mendustakan lafaz-lafaz al-Quran yang terang, mengingkari hari kiamat, mengatakan bahawa agama Islam itu kolot, ketinggalan zaman, tidak sesuai dilaksanakan dan tidak penting pada zaman moden ini, dan lain-lain perkataan atau perbuatan yang boleh mengeluarkannya daripada Islam.

Seorang yang melakukan maksiat seperti minum arak namun masih mengakui dan mengiktiraf asas-asas akidah Islam, beliau dianggap sebagai orang muslim derhaka, bukannya kafir. Demikian juga sekiranya beliau melakukan perbuatan atau menuturkan perkataan yang boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai penafsiran, kita berhak mengkafirkan beliau berdasarkan perbuatannya atau perkataan itu.

Wajar disebutkan di sini sesetengah perbuatan dinamakan perbuatan kufur, sebagaimana yang terdapat dalam nas-nas syariat; umpamanya nas yang mengatakan: “Meninggalkan sembahyang adalah kufur”. Namun demikian mengkafirkan seseorang tidak boleh dilakukan kecuali beliau telah melakukan perkara yang mengeluarkannya daripada Islam. Seperti beliau mengingkari kewajipan sembahyang atau kita meminta beliau bertaubat dengan menyatakan: “Jika kamu tidak sembahyang kamu akan dibunuh”, andainya beliau masih berkeras tidak mahu bersembahyang dan memilih untuk dibunuh, ini membuktikan adanya kosong daripada iman dan beliau mati dalam dalam kufur.

Selain itu kita juga harus mengetahui bahawa kufur itu terbahagi kepada dua jenis:

1. Kufur kecil yang tidak mengeluarkan seseorang yang melakukannya daripada Islam,
2. Kufur besar yang mengeluarkan seseorang yang melakukannya daripada Islam.

Dengan membezakan di antara kedua-dua jenis kufur ini, kita dapat memahami sebahagian nas-nas syarak seperti nas yang mengatakan: Sesiapa yang bersumpah dengan nama lain dari Allah, beliau telah syirik. Syirik yang dimaksudkan dalam nas ini tidak bererti mengeluarkan seseorang daripada Islam. Malah ia merupakan maksiat yang amat berat, demikianlah dengan nas-nas yang lain